

Jilid II
Bil. 18



Hari Khamis
5hb April, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2601]

USUL-USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)
[Ruangan 2643]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2715]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,
DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR
NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.,
A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S.,
J.B.S. (Santubong).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

Yang Berhormat TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N.,
J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 5hb April, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**PEGAWAI-PEGAWAI KERJARAYA
TIDAK JUJUR**

1. **Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada benar ada pegawai-pegawai di Kementeriannya dan Jabatan-jabatan Kerjaraya di peringkat negeri dan daerah yang tidak jujur hingga menggagalkan banyak rancangan-rancangan Kerajaan membantu memajukan kontraktor-kontraktor Bumiputera. Apakah bentuk perbuatan tidak jujur itu, dan siapakah mereka itu. Apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap mereka. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dengan penuh kejujuran oleh Kementeriannya.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang mengambil berat dan sentiasa menekan pegawai dan kakitangan atas betapa pentingnya pegawai-pegawai di peringkat Kementerian, Negeri dan Daerah melaksanakan tugas-tugas mereka selaras dengan Dasar Ekonomi Baru mengikut konsep Bersih, Cekap dan Amanah yang juga menekan sikap kejujuran.

Dalam menentukan sikap kejujuran tersebut dipatuhi oleh pegawai-pegawai, Kementerian saya sentiasa mengawasi dan mengesan cara-cara mereka melaksanakan tugas-tugasnya. Dalam hal ini, Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mana-mana pegawai sama ada di peringkat Kementerian, Negeri mahupun Daerah yang cuba menggagalkan dalam apa juga bentuk ketidakjujuran usaha-usaha Kerajaan membantu, memajukan semua kontraktor, terutamanya kontraktor-kontraktor Bumiputera.

Untuk memastikan bahawa Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dengan penuh kejujuran oleh semua pegawai, Kementerian saya telah mengadakan beberapa siri ceramah dan perbincangan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada mereka mengenai matlamat semangat dan cara-cara pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Di samping itu, Kementerian saya juga sentiasa mengawasi supaya sifat-sifat kejujuran sentiasa diamalkan oleh pegawai-pegawai Kementerian ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya oleh kerana JKR merupakan badan pelaksana projek-projek Kerajaan dan menentukan kejayaan sesuatu projek itu dijalankan, jadi bagi mengesan tentang sama ada projek itu gagal atau projek itu berjaya, apakah pihak Kementerian

ini bercadang untuk menggunakan komputer di Kementerianya dan juga di tiap-tiap negeri supaya kelemahan dapat ditemui dengan segera dan nyata.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya di peringkat Pusat telah pun menggunakan komputer untuk mengawasi kejayaan projek-projek yang diserahkan kepada Jabatan Kerjaraya.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam masalah menjayakan Dasar Ekonomi Baru yang seharusnya dimainkan oleh Jabatan Kerjaraya, saya ingin tahu sama ada beliau pernah menerima aduan-aduan daripada mana-mana kontraktor-kontraktor Bumiputera terhadap pegawai-pegawai yang tidak menjalankan tugas sebagaimana yang diamanahkan. Jika ada, apakah bentuk aduan yang berkenaan?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam satu organisasi seperti JKR yang begitu besar yang ramai pegawai-pegawai di berbagai peringkat di semua ceruk rantau diadakan projek, memanglah ada sedikit sebanyak ketidakpuasan hati pihak kontraktor. Tetapi kebanyakan daripada sungutan-sungutan ini bukanlah merupakan satu sabotaj oleh pegawai-pegawai dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan kebanyakan daripada sungutan-sungutan ini tidaklah merupakan sebagai suatu aduan ramai. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya sentiasa mengawasi dan membetulkan keadaan.

HICOM—PROJEK DI PULAU PINANG

2. **Dr Koh Tsu Koon** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk

memperkenalkan projek-projek perindustrian barat (HICOM) di Pulau Pinang memandangkan:

- (a) peranan Pulau Pinang yang dijangka sebagai pusat perkembangan (growth centre) bagi wilayah barat daya Semenanjung Malaysia;
- (b) kemudahan-kemudahan di Pulau Pinang; dan
- (c) bekalan tenaga buruh mahir yang sedia ada di Pulau Pinang. Jika ya, apakah projek-projek yang dicadangkan. Jika tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, HICOM mempunyai rancangan untuk menempatkan satu projek untuk mengeluarkan enjin kecil di Pulau Pinang. Projek ini adalah bagi mengeluarkan enjin motosikal 110 c.c. ke bawah dan juga enjin-enjin kecil kegunaan awam yang lain.

Projek ini sedang dilaksanakan oleh usaha sama di antara HICOM, Suzuki Motor Co. Ltd daripada Jepun, Suzuki Assemblers Sdn Bhd, dan Bumi Land Berhad. Ianya akan mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan 150,000 unit enjin kecil setahun.

Pengeluaran untuk projek ini adalah dijangka bermula dalam bulan Oktober, 1985. Projek ini merupakan satu daripada tiga projek pengeluaran enjin kecil yang akan dilaksanakan oleh HICOM.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri tidak hadir).

KADAR GAJI BURUH BERBEZA— TINDAKAN KERAJAAN

4. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau sedar bahawa kadar gaji bagi buruh-buruh yang membuat kerja jenis yang sama berbeza di antara seorang majikan dan majikan yang lain dan jika ya, adakah Kementerian akan menyamakan kadar ini untuk meliputi semua majikan dan mengambil tindakan ke atas mereka yang melanggar peraturan ini.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, penetapan kadar gaji pekerja adalah menjadi hak individu majikan mengikut kemampuan dan kedudukan kewangan majikan itu atau mengikut kawasan-kawasan tertentu.

Buat masa sekarang Kementerian saya adalah berpuas hati dengan jentera-jentera yang sedia ada untuk menetapkan kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja di sektor swasta.

Bagi pekerja-pekerja yang berkesatuan, jentera perundingan bersama sedang berjalan dengan lancar dan memuaskan. Pekerja-pekerja berkenaan telah pun menikmati skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan mengikut perjanjian bersama yang ditandatangani hasil dari rundingan-rundingan yang diadakan di antara pihak kesatuan dan majikan. Penetapan gaji secara begini adalah lebih memuaskan dan adil kepada pihak majikan dan pekerja.

Di samping itu Kementerian saya telah juga menubuhkan beberapa Majlis Penetapan Gaji untuk menetapkan kadar saraan minima berkanun serta syarat-syarat pekerjaan bagi pekerja-pekerja di industri-industri tertentu yang tidak mempunyai jentera perundingan ataupun jentera perundingan yang sedia ada tidak berkemampuan atau tidak

mencukupi untuk mewakili ahli-ahli mereka. Pada masa ini telah pun wujud 4 Majlis Penetapan Gaji secara berasingan yang diberi perlindungan kepada pembantu-pembantu kedai, pekerja-pekerja perhidangan dan hotel, pekerja-pekerja wayang gambar serta pemungggah-pemungggah kapal dan pengendali-pengendali muatan Pulau Pinang. Selain dari itu, Kementerian saya akan juga mengawasi kadar gaji dan lain-lain syarat pekerjaan yang ditawarkan kepada pekerja-pekerja di semua peringkat dan tempat pekerjaan dan sekiranya didapati berlaku sebarang penindasan pekerja di mana-mana tempat pekerjaan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar oleh kerana pihak majikan diberi flexibility untuk menetapkan gaji untuk pekerja mereka mengikut kemampuan majikan itu maka masalah eksploitasi pekerja-pekerja sentiasa berlaku.

Jika beliau sedar tentang hal ini, saya suka bertanya sama ada masa telah sampai bagi Kerajaan untuk memper-untukkan undang-undang bagi gaji minima untuk semua para pekerja di negara ini.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar ada eksploitasi seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tadi saya ada menjawab kadar-kadar gaji ini tidak dapat ditetapkan pada masa ini oleh kerana bukan sahaja mengikut keadaan kewangan majikan-majikan itu tetapi juga keadaan ekonomi negara kita dan keadaan di tempat satu-satu kawasan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memanglah benar seperti kata Yang

Berhormat Timbalan Menteri tadi hak individu majikan untuk menentukan gaji. Tetapi pernahkan Kementerian yang berkenaan menjalankan penyiasatan kerana terdapat setengah-setengah walaupun dari segi kriterianya majikan-majikan menjalankan perusahaannya di dalam satu kawasan dan bentuk keluarannya juga adalah sama dan pekerjaannya juga adalah sama tetapi gajinya terus berbeza. Pernahkah Kementerian menjalankan siasatan di atas dari segi pendapatan majikan-majikan yang berkenaan ataupun dari segi keuntungan.

Kedua, adakah majlis-majlis yang telah ditubuhkan, Majlis Penetapan Gaji dan Kementerian akan mengurangkan dari segi perbezaan gaji berdasarkan kepada bidang-bidang keluaran bagi sesuatu majikan. Umpamanya bidang elektronik, bidang pembuatan kotak dan sebagainya.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, Kementerian saya memang selalu ada menjalankan kajian dari masa ke semasa supaya boleh tahu keadaan pekerjaan di negara kita. Apa pendapat Kementerian saya, ialah memang ada perbezaan di antara majikan-majikan tetapi perbezaan ini tidak begitu besar. Lebih-lebih lagi kalau di Kuala Lumpur, Petaling Jaya atau Pulau Pinang keadaannya adalah lebih kurang sama, perbezaan yang besar sedikit barangkali gaji pokok (basic salary) tetapi jikalau dikira pendapatannya sebulan adalah lebih kurang. Jadi, Kementerian saya rasa berpuas hati mengenai keadaan ini.

Bagi jawapan soalan kedua itu, oleh kerana industri elektronik dan apa-apa industri tertentu itu adalah pada masa sekarang keluarannya adalah tetap dan pembayaran gaji pun ada memuaskan, jadi, Kementerian saya pun berpuas hati tidak bercadang untuk menubuhkan satu Majlis Penetapan Gaji bagi kilang-kilang itu.

PAKAIAN JURURAWAT ISLAM

5. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian beliau membenarkan jururawat-jururawat beragama Islam menutup aurat rambut mereka dengan scarf memandangkan ramai jururawat-jururawat Islam yang hendak berbuat demikian tidak dibenarkan kerana dilarang oleh Ketua Jabatan mereka dan lagi topi yang mereka pakai sekarang tidak dapat menutup aurat rambut mereka sepenuhnya. Jika ya, bilakah beliau hendak mengeluarkan surat pekeliling mengenainya dan jika tidak beri sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa peraturan-peraturan pemakaian pakaian seragam telah pun ditetapkan dan Ketua-ketua Jabatan pada masa ini hanya mematuhi peraturan-peraturan ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji rekabentuk pakaian seragam kakitangan kejururawatan dan syor-syor untuk menukar rekabentuk yang lebih sesuai dari semua segi. Perkara ini akan diputuskan sebaik sahaja kajian ini selesai.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini bercadang hendak menarik balik ketetapan larangan dari Ketua Jabatan mereka kerana memandangkan para jururawat banyak dihantar sebagai rombongan membawa haji di Mekah. Mereka tentulah memakai menutup aurat kepalanya, dan memandangkan kaum Sikh dihormati oleh Kerajaan tentang pakaian serbannya tidak

dilarang bahkan mereka dibenarkan, ada Jabatan Kerajaan yang menyediakan serban-serban itu menggantikan topi dan sebagainya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Sememangnya peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan pada masa ini adalah peraturan-peraturan yang ditetapkan di peringkat pusat iaitu di Kementerian dan itu menjadi arahan kepada Ketua-ketua Jabatan. Mereka tidak mempunyai budibicara untuk melonggarkan peraturan-peraturan mengenai pakaian seragam itu.

Perkara mengenai serban dan lain-lain adalah di dalam kajian Kementerian pada masa ini.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang diberitahu oleh Timbalan Menteri baru sekejap tadi bahawa pakaian-pakaian seragam jururawat yang dikenakan sekarang ini adalah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Masalahnya sekarang ialah apakah pakaian-pakaian yang ditetapkan itu termasuk bagi jururawat-jururawat yang dihantar oleh pihak Kementerian untuk membantu doktor-doktor dan pesakit-pesakit di tanah suci Mekah.

Dato' K. Pathmanaban: Pada masa mereka ini di tanah suci Mekah mereka adalah di bawah arahan Jabatan Perdana Menteri dan saya rasa mereka akan selaraskan perkara itu dengan kehendak-kehendak di tanah suci itu.

SEKOLAH BERASRAMA PENUH—BAYARAN

6. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ura-ura Kerajaan untuk menaikkan bayaran murid-murid yang

menuntut di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh menyebabkan kegelisahan di kalangan ibu bapa. Jika sedar, adakah Kerajaan akan melaksanakan juga rancangan tersebut atau membatalkan sahaja ura-ura kenaikan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohd. Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, ura-ura untuk menaikkan bayaran murid-murid menuntut di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh sebenarnya masih dalam peringkat kajian. Sekali pun jika rancangan ini dilaksanakan, pertimbangan yang teliti akan dibuat agar tidak membebankan golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, sekali lagi pertimbangan yang sangat teliti juga akan dibuat terlebih dahulu.

PASAR BESAR KUALA LUMPUR—TARIKH PINDAH

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada terdapat lanjutan tempoh kepada tarikh pengusiran Pasar Umum Kuala Lumpur dan kedai-kedai perniagaan di sekitarnya yang terlibat oleh Projek Dayabumi dan apakah kemajuan yang dicapai dalam pembinaan tiga buah pasar baru bagi menempatkan semua pemegang gerai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya peniaga-peniaga Pasar Besar telah diberi tempoh sehingga 31hb Disember, 1983 untuk berpindah dari Pasar tersebut. Oleh sebab pada tarikh berkenaan pasar-pasar baru untuk menempatkan semula peniaga-peniaga terlibat masih belum siap, tarikh tersebut telah dilanjutkan sehingga ke akhir tahun 1984. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini

pada 22hb Mac, 1983, peniaga-peniaga ini tidak akan dikeluarkan sehingga pasar-pasar baru yang sedang dalam pembinaan itu siap kelak dan boleh menempatkan semula peniaga-peniaga yang terlibat.

Rumah-rumah kedai di Seksyen 31, Bandar Kuala Lumpur akan dirobuhkan pada akhir bulan Jun, 1984. Semua penyewa rumah-rumah kedai berkenaan telah diberitahu tarikh ini dan tiada tuntutan akan dibuat kepada tarikh ini.

Kerja-kerja tanam cerucuk di tapak pasar moden di Gombak telah siap dan kerja-kerja utama masa kini telah siap 5%. Pasar ini dijangka siap pada akhir bulan November, 1984. Bagi pasar moden Taman Tun Dr Ismail pula, kerja-kerja tanam cerucuk telah siap 95% dan kerja-kerja utama dijangka siap pada akhir bulan November, 1984. Kerja-kerja tanam cerucuk dan utama bagi pasar moden di Batu 4, Cheras masa kini telah siap 10% dan pasar berkenaan juga dijangka siap pada akhir bulan November, 1984 ini.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang hal pasar-pasar baru yang akan dibuka kelak, apakah gerai-gerai yang disediakan di situ hanya diperuntukkan kepada pemegang-pemegang gerai-gerai yang lama sahaja ataupun termasuk juga pemegang gerai-gerai yang baru.

Yang kedua, apakah pemegang-pemegang gerai yang akan berniaga di pasar-pasar baru ini mengandungi bukan hanya daripada satu kaum sahaja tetapi daripada berbilang-bilang kaum.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seramai 641 orang peniaga-peniaga yang terlibat di Pasar Besar Kuala Lumpur sekarang. Apabila ketiga-tiga pasar moden yang telah saya sebutkan tadi siap, Insha

Allah pada tahun ini, kesemua 641 orang ini akan ditempatkan di ketiga-tiga tempat ini dan oleh sebab jumlah atau bilangan gerai-gerai yang dapat disediakan oleh ketiga-tiga pasar moden ini melebihi angka 641, maka soal untuk menambahkan peniaga-peniaga selain daripada 641 orang ini tidak berbangkit.

Bagi soalan yang kedua, dalam segala perkara yang kita buat termasuklah juga dalam penempatan ke dalam pasar-pasar moden yang tiga yang saya sebutkan ini, unsur-unsur Dasar Ekonomi Baru akan diambil perkiraan.

Tuan Lee Lam Thye: Suka saya bertanya Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa kedai-kedai perniagaan di Jalan Mcarthor yang terletak di depan Pasar Umum ini telah diberikan notis oleh pihak UDA untuk merobuhkan kedai-kedai itu pada bulan Jun ini dan memandangkan bahawa pasar-pasar lain dan juga bangunan-bangunan di sekeliling Pasar Umum belum siap untuk mencari tempat yang lain sama ada tempoh ini akan dipertingkatkan?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Lumpur Bandar sekejap tadi akan diselaraskan dengan jawapan yang saya berikan sekejap tadi.

HOSPITAL DAERAH— KEMUDAHAN RAWATAN SAKIT JANTUNG

8. **Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar Hospital-hospital di peringkat Daerah tidak mempunyai kelengkapan yang sempurna untuk menyelamatkan kes-kes sakit jantung yang memerlukan rawatan segera;

- (b) sama ada beliau sedar kakitangan-kakitangan Hospital di peringkat Daerah tidak mempunyai kemahiran untuk menghadapi kes-kes seumpama ini; dan
- (c) bilangan kes sakit jantung yang ditunjukkan kepada Hospital-hospital Daerah pada tempoh 1978-1983 dengan memberi angka-angka pecahan secara tahunan, dan bilangan darinya yang mana pesakit-pesakit sudah meninggal dunia apabila dirujuk ke Hospital Besar di Ibu-ibu Kota yang berkenaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada:

- (a) Hospital-hospital Daerah ada mempunyai kelengkapan-kelengkapan dan ubat-ubatan untuk merawat kes-kes sakit jantung. Tindakan sedang juga diambil untuk menambahkan lagi kelengkapan dalam bidang ini di Hospital-hospital Besar dan Daerah pada tahun-tahun akan datang.
- (b) Selain dari apa yang disebutkan tadi, di dalam program-program latihan asas kami, pembantu-pembantu hospital dan jururawat-jururawat juga dilatih untuk mengendalikan keadaan-keadaan kecemasan di hospital-hospital dan klinik-klinik. Sebagai tambahan kursus-kursus lanjutan (postbasic) untuk pembantu-pembantu hospital dan jururawat-jururawat juga dijalankan di Unit Rawatan Jantung (CCU) di Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Rancangan tindakan ini sebagaimana dijelaskan di Dewan yang mulia ini telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu sekarang dan

ianya dipertanggungjawabkan kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk dilaksanakan. Usaha-usaha kita bukan setakat itu sahaja. Kita telah berbincang mengenai rancangan tindakan ini dengan Britain, Perancis, China dan Amerika Syarikat supaya rancangan ini kelak tidak dihalang di Majlis Keselamatan. Di samping itu kita telah memainkan peranan yang penting di Sidang Kemuncak Islam di Casablanca baru-baru ini untuk membolehkan perpaduan dan keutuhan umat Islam dengan membawa kembali Mesir di dalam OIC. Ini sebagaimana yang telah dijelaskan beberapa kali adalah merupakan satu faktor yang dapat menyumbang ke arah tercapainya satu penyelesaian kepada masalah di Asia Barat.

Mengenai keadaan di Lubnan yang menyedihkan itu, ianya adalah akibat dan lanjutan dari soal Palestin yang belum dapat diselesaikan itu. Masalah ini sukar dapat diselesaikan secara berasingan. Dalam hubungan ini juga kita telah menggesa kuasa-kuasa besar supaya tidak campur tangan di Lubnan yang mana jika ini berlaku akan merumitkan proses penyelesaian iaitu Penyatupaduan Kebangsaan (national reconciliation) di kalangan puak-puak yang terlibat di Lubnan. Dengan campur tangan kuasa-kuasa besar ini juga masalah di Asia Barat khususnya soal Palestin akan menjadi lebih sukar untuk diselesaikan. Oleh itu kita sentiasa memberi tentangan yang sekuat-kuatnya terhadap campur tangan kuasa-kuasa besar di Asia Barat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar, oleh kerana kita tahu bahawa Timur Tengah adalah terdiri daripada negara-negara Islam tetapi Badan-badan Antarabangsa ini misalnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatan, keahlian majoritinya adalah daripada

negara-negara bukan Islam. Apakah keadaan yang wujud ini mengakibatkan keputusan yang dibuat tidak begitu berkesan dan juga melambat-lambatkan penguatkuasaan dan selalu kita kedapatan bahawa tidak ada penghormatan kepada keputusan yang dicapai dari negara-negara terlibat, bahkan kerap kali juga kita dengan bahawa keputusan itu tidak dipatuhi dan dicerobohi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, anggapan Ahli Yang Berhormat tadi tidaklah begitu tepat kerana lebih daripada $\frac{2}{3}$ jumlah anggota pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu misalnya adalah terdiri dari negara-negara kecil dan hampir kesemua mereka ini menyokong atau membangkang sesuatu isu berdasar kepada untung ruginya isu itu untuk membawa keamanan dan kesejahteraan dunia ini. Oleh sebab itu mereka juga telah sedemikian lama selalu konsisten dalam sokongan mereka kepada isu-isu yang telah pun diutarakan oleh negara-negara Islam.

Yang menjadi masalah adalah mengenai sikap kuasa-kuasa besar yang mana selalunya menyokong ataupun membangkang sesuatu isu berdasarkan kepada sama ada sokongan mereka itu akan membawa keuntungan ataupun sebaliknya. Itulah persaingan kuasa-kuasa besar yang selalunya melambat-lambatkan pelaksanaan sesuatu keputusan yang telah pun dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Omar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, beliau telah menyebutkan bahawa punca utama masalah Timur Tengah ialah masalah Palestin. Saya ingin bertanya, apakah sumbangan Kerajaan Malaysia dalam usaha menyatupadukan semula pihak PLO yang telah berpecah belah memandangkan perpecahan itu telah melemahkan pergerakan tersebut.

(c) Menurut angka-angka yang dikumpulkan dari hospital-hospital daerah, kes-kes sakit jantung yang dimasuki ke hospital-hospital daerah pada enam tahun yang lalu adalah seperti berikut:

1978	1,378
1979	1,429
1980	1,702
1981	2,078
1982	2,046
1983	2,223
				—
				10,856
				—

Daripada kes-kes yang tersebut di atas, hanya sebilangan kecil sahaja terpaksa dirujuk kepada hospital-hospital besar seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kes</i>	<i>Peratus</i>
1978	48	3.48%
1979	71	4.96%
1980	73	4.28%
1981	88	4.23%
1982	82	4.00%
1983	106	4.76%

Angka-angka daripada 5 Negeri yang telah dikumpulkan sejak ini menunjukkan bahawa dari 197 kes yang dirujuk daripada hospital daerah dalam lima Negeri ini kepada hospital-hospital besar, sebanyak 29 orang sahaja pesakit telah meninggal dunia.

Pada keseluruhannya saya dapati menyatakan bahawa hospital-hospital daerah sedang mengendalikan kes-kes sakit jantung di hospital-hospitalnya dengan cara yang memuaskan.

KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA—FAEDAH PENCARUM

9. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah faedah lebihan yang akan diperolehi oleh pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai hasil dari usaha baru Kumpulan Wang Simpanan Pekerja melibatkan dari dalam bidang perumahan, pasaran saham dan lain-lain perniagaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam bidang perumahan, pasaran saham dan lain-lain perniagaan adalah merupakan sebahagian daripada usaha-usaha baru KWSP untuk memperbagaikan pelaburan-pelaburannya. Pihak KWSP telah mengambil langkah untuk memperbagaikan portfolio pelaburannya dengan tujuan memastikan supaya KWSP tidak akan sahaja bergantung kepada beberapa sumber pendapatan yang terhad dan juga untuk kepentingan ahli-ahli dari segi pulangan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mempelbagaikan pelaburan KWSP, pulangan atas pelaburan-pelaburan yang telah dibuat akan bertambah dan ini secara tidak langsung akan memberi faedah kepada ahli-ahli KWSP sendiri. Dengan pertambahan dalam pulangan pelaburan ini akan membolehkan KWSP mengeluarkan faedah tahunan yang lebih daripada apa yang telah diberi dahulu, misalnya pada tahun 1983 pihak KWSP telah memberi 8% faedah tahunan dan ½% faedah bonus, menjadikan faedah 8½% semuanya bagi tahun 1983 berbanding dengan 8% bagi tahun sebelumnya.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan EPF pada masa ini sedang meningkatkan kegiatan di dalam pelaburan dan mungkin akan ditingkatkan lagi pada masa yang akan

datang, mungkinkah EPF akan mengadakan satu konsep di mana habuan yang diberikan kepada pencarum-pencarum bukan sahaja di dalam bentuk faedah dan juga bonus tetapi juga di dalam bentuk dividen?

Tuan Yang di-Pertua: Bentuk apa?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Dividen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang 8% itu bukan dividen? Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya belum lagi difikirkan tentang dividen berkaitan dengan wang simpanan KWSP tetapi dalam pada itu sekarang ini memandangkan bahawa faedah yang diberi rendah sedikit dibandingkan dengan faedah-faedah seperti dalam Simpanan Tetap dan sebagainya, maka Kementerian Kewangan sedang mengkaji keseluruhan sumbangan KWSP ini bukan sahaja daripada faedah tetapi juga dari segi penggunaan wangnya. Sekarang ini sebahagian besar wang itu iaitu 70% mesti disimpan dengan sekuriti Kerajaan dengan faedah yang agak rendah sedikit; masa itu hanya 8% sahaja boleh diberi kepada pencarum-pencarum tetapi perkara ini sedang dikaji, kalau sekiranya kita berupaya mengubah faedah ini barangkali faedah akan diberi lebih tetapi tidak dari segi bentuk dividen seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Adakah KWSP bercadang untuk menambah faedah pencarum-pencarum KWSP pada masa akan datang dan adakah pinjaman KWSP kepada syarikat-syarikat dalam keadaan yang stabil dan tidak seperti BMF?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta ulang semula?

Dato' Sabbaruddin Chik: Beberapa keywords sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya tidak begitu dapat memahaminya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang pertamanya adakah hendak menambahkan faedah-faedah pada masa hadapan. Yang keduanya sama ada hendak melaburkan kepada syarikat-syarikat yang bukan macam BMF! (*Ketawa*).

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja saya menjawab soalan tambahan yang pertama tadi kalau sekiranya kita meneliti semula sumbangan KWSP ini berkemungkinan kadar faedahnya ditambah, kalau dikira lebih daripada 30% seperti yang dibenarkan sekarang ini boleh dilaburkan dalam syarikat-syarikat lain selain daripada sekuriti Kerajaan.

Soalan kedua sama ada kita akan melabur dalam syarikat-syarikat lain, sebenarnya memang 30% daripada wang-wang ini boleh dilaburkan di dalam mana-mana syarikat mengikut pihak yang mengendalikan wang EPF ini.

ARAHAN MENGURANGKAN SEMINAR/KONVENSYEN

10. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah arahan-arahan yang dibuat oleh Perdana Menteri kepada Jabatan Kerajaan atau Agensi-agensi Kerajaan supaya mengurangkan seminar atau konvensyen yang tidak mendatangkan kesan dan berfaedah itu diberhentikan telah dipatuhi. Dan apakah tindakan yang akan diambil kepada mana-mana pihak yang tidak mematuhi arahan-arahan yang tersebut. Apakah kekesanan yang dapat dimanfaatkan kepada pentadbiran negara hasil dari arahan-arahan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad

Badawi): Tuan Yang di-Pertua, semenjak arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikeluarkan secara langsung kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dalam satu sidang Jemaah Menteri supaya seminar-seminar yang tidak berfaedah itu dikurangkan dan kalaulah hendak juga diadakan, dipastikan yang seminar-seminar itu benar-benar akan memberi faedah kepada jabatan-jabatan yang terlibat, memang terdapat adanya kekurangan seminar itu dijalankan. Saya sendiripun tahu banyak juga jabatan-jabatan yang telah bertanya sama ada perlu atau tidak seminar yang mereka cadang hendak anjurkan itu patut diadakan atau tidak. Ini menunjukkan bahawa memang ada kesan daripada arahan yang berkenaan. Itu yang pertama.

Yang keduanya, memanglah sangat sukar hendak kita menentukan tentang faedah dan hasil yang boleh didapati dari satu-satu seminar itu walaupun pada peringkat perancangannya telah dipastikan yang faedah itu boleh didapati, kerana ia sangat-sangat bergantung kepada penyertaan (participation) peserta-peserta seminar itu sendiri. Merekalah yang akan menentukan apakah hasil yang boleh didapati daripadanya. Jadi walaupun begitu pihak yang menganjurkan itu adalah juga dikehendaki sebolebolehnya mengatur dan menentukan dengan satu-satu cara supaya hasil yang hendak didapati itu dapat benar-benar diperolehi dan dalam hal ini saya merasa arahan itu pasti akan dipatuhi.

Yang ketiganya tentang pertanyaan sama ada jika arahan ini tidak dipatuhi dan bagaimanakah pula tindakan-tindakan, selama ini belum lagi terdapat sebarang pelanggaran daripada kehendak arahan yang telah diberikan. Tentang kesan dan manfaat yang boleh didapati daripada mengurangkan seminar ini ialah yang pertamanya kita menjimatkan masa, khasnya pegawai-pegawai yang ramai tidak akan

digunakan tenaga mereka itu untuk menyertai seminar yang berkenaan. Keduanya sudah semestinya wang dapat dijamin kerana biasanya apabila satu-satu seminar itu hendak diadakan terutamanya seminar antarabangsa dia menelan belanja berpuluh-puluh ribu wang ringgit.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri oleh sebab mungkin tidak dapat dinafikan bahawa tentang peri pentingnya seminar atau konvensyen itu diadakan bagi membincangkan satu-satu isu dalam konteks pembangunan negara. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berhubung dengan masalah ini adakah apa-apa garis panduan yang diberikan kepada Kementerian-kementerian, bentuk seminar atau konvensyen sepertimana yang boleh diadakan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ada garis panduan ini. Daripada apa yang telah dimaklumkan kepada saya bahawa perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat antara Ketua-ketua Setiausaha Kementerian-kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara sendiri. Itu yang pertama.

Yang keduanya pula, memang ada satu arahan yang telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan yang berupa satu Pekeliling dalam mana ditegaskan tentang perlunya penjimatan wang itu dipastikan dan yang keduanya tentang perlunya segala perbelanjaan-perbelanjaan untuk seminar itu dihalusi item demi item, perkara demi perkara, supaya tidak ada perbelanjaan yang lebih daripada patut dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah arahan-arahan yang diberi oleh pihak Kementerian dan juga garis-garis

panduan berkenaan dengan seminar atau konvensyen yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan termasuk juga majlis-majlis taklimat, ceramah-ceramah mesra dan juga jamuan-jamuan tengah hari dan jamuan-jamuan malam yang diberi oleh pihak agensi-agensi Kerajaan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, arahan itu sebenarnya tidak melibatkan lain-lain perkara selain daripada seminar dan konvensyen.

TIMUR TENGAH—KEAMANAN DAN KETENTERAMAN

11. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha negara kita bagi mewujudkan keamanan dan ketenteraman negara Timur Tengah yang makin sehari semakin teruk dan mengorbankan ribuan nyawa rakyat awam yang tidak berdosa. Sejauh manakah usaha kita itu untuk diterima oleh badan-badan antarabangsa.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu, sukacita saya menyatakan bahawa sumbangan kita untuk mewujudkan keamanan dan ketenteraman di Asia Barat telah diterangkan beberapa kali kepada Dewan yang mulia ini. Namun begitu izinkan saya merojok kembali kepada usaha-usaha penting kita itu.

Dasar kita terhadap masalah di Asia Barat khususnya mengenai soal Palestin dan keadaan di Lubnan dalam matlamat untuk mencapai satu penyelesaian dan keamanan di rantau tersebut adalah jelas dan sentiasa tegas. Sebagaimana yang kita sedia maklum masalah di Asia Barat adalah timbul dari satu masalah pokok iaitu soal Palestin yang masih belum dapat diselesaikan. Usaha-usaha kita untuk

mencapai penyelesaian bagi soal Palestin mendapatkan kembali tanah air mereka serta penubuhan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Kesediaan kita menjadi tuan rumah kepada satu persidangan antarabangsa mengenai soal Palestin pada tahun yang lepas dan penerimaan satu rancangan tindakan yang kita gubal di mana ianya pula telah diterima oleh 137 buah negara dan pemimpin PLO Yassir Arafat di Geneva adalah satu manifastasi tentang usaha-usaha konkrit kita terhadap mencari penyelesaian soal Palestin ini khususnya dan masalah Asia Barat amnya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak dapat dinafikan bahawa terjadinya pecah belah di antara rakyat Palestin sendiri sudahpun melambatkan pelaksanaan formula Geneva yang telah pun dipersetujui di dalam Sidang Antarabangsa di Geneva. Namun demikian usaha-usaha memang sedang dijalankan menerusi OIC dan forum-forum yang lain untuk memulihkan perpaduan di kalangan rakyat Palestin. Tanpa perpaduan ini sudah tentulah sukar untuk kita membantu mereka.

PENCEN TIADA UPAYA KEPADA ANGGOTA TENTERA

12. Tuan Quah Wee Liam: minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan bahawa kadar Pencen Tiada Upaya Anggota Tentera, tidak pernah diulangkaji walaupun kadar-kadar pencen yang lain telah diulangkaji tiga kali bilakah kadar pencen "Bayaran Pencen Tiada Upaya Anggota Tentera" akan dapat diulangkaji supaya bekas-bekas Anggota Tentera kita dapat mengatasi masalah-masalah disebabkan oleh inflasi dan kenaikan kos hidup.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang mengatakan bahawa kadar pencen tiada upaya bagi

anggota-anggota tentera tidak pernah diulangkaji adalah tidak benar. Sebenarnya kadar pencen tiada upaya bagi anggota-anggota tentera telah pun diulangkaji dan diselaraskan mengikut Bahagian V dalam Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain) 1982 yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 1980. Perlaksanaan ulangkaji kadar pencen tiada upaya anggota-anggota tentera telah pun dibuat pada bulan Oktober 1981. Semakan kadar baru pencen akan dibuat oleh Kerajaan apabila difikirkan perlu.

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah atau tidak pencen tidak upaya untuk anggota Pasukan Simpanan Tentera Darat. Jika ada, saya hendak tahu bila kajian terakhir dibuat. Jika tidak, saya ingin hendak tahu apa sebab tiada pencen itu.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Ada tetapi kadarnya berkurangan jika dibandingkan dengan Angkatan Tentera Tetap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Sandukong tidak hadir).

JAWATANKUASA AM SEMPADAN (GBS) MALAYSIA/THAILAND

14. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri Thailand ke negara Malaysia, serta bagaimanakah perkembangan dan kedudukan Rangka Keselamatan Jawatankuasa Am Sempadan (GBS) kedua negara, serta apakah peranan yang dimainkan oleh Thailand dan Malaysia di aspek Ekonomi dan Sosial ke arah keselamatan sempadan demi kepentingan rakyat kedua negara di kawasan sempadan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, ingin saya maklumkan bahawa lawatan Perdana Menteri Thailand ke Malaysia baru-baru ini telah mendatangkan hasil yang positif serta telah dapat mengeratkan lagi tali persahabatan dan persefahaman yang sedia terjalin di antara negara kita dan Thailand. Lawatan ini juga telah membolehkan kedua-dua negara membincangkan beberapa rancangan kerjasama yang difikirkan akan memberi manfaat kepada penduduk di kedua-dua belah sempadan Malaysia/Thailand. Di antaranya ialah rancangan perairan bagi kawasan-kawasan persawahan dan rancangan penanam tebu bagi keperluan Syarikat Gula kita di Padang Terap.

Mengenai Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) pula, sebagaimana yang kita sedia maklum ianya telah memainkan peranan penting di dalam konteks persahabatan antara kedua buah negara. Selain daripada menyelaraskan usaha-usaha di bidang keselamatan bagi menghapuskan anasir-anasir komunis yang menjadi musuh bersama di kawasan sempadan, GBS juga telah membantu mengenali projek-projek sosio ekonomi yang sesuai bagi kawasan tersebut untuk dilaksanakan oleh Kerajaan kita dan Kerajaan Thailand.

Rancangan-rancangan sosio ekonomi adalah bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk tempatan. Contohnya ialah seperti projek kajian lembah Sungai Golok yang dilancarkan dalam bulan Mei 1983. Projek-projek perkhidmatan feri yang menyambungkan daerah Naratiwat dengan Pengkalan Kubur di Kelantan dan pembinaan rumah api di Kuala Sungai Golok bagi kepentingan nelayan-nelayan kedua-dua negara.

Dalam hubungan ini Kerajaan Thailand sendiri telah melancarkan program pembangunan ekonominya

seperti pembukaan tanah, pembinaan infrastruktur dan seumpamanya di kawasan sempadan tersebut. Sementara di pihak kita pula Kerajaan telah melancarkan projek KESBAN di kawasan sempadan di sebelah kita yang akan menelan belanja beratus-ratus juta ringgit apabila telah selesai nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah perkara dan peranan tentera Vietnam di sempadan Thailand yang menjadi satu perkara yang dibincang dalam lawatan Perdana Menteri Thailand ke Malaysia di mana baru-baru ini ada peristiwa-peristiwa di mana ada tentera Vietnam yang memasuki kawasan Thailand dan kesannya terhadap kestabilan rantau ini, dan adakah satu pandangan bersama diwujudkan mengenai masa depan akibat daripada peristiwa serupa ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, perkara tersebut tidak dibincangkan semasa lawatan Perdana Menteri Prem ke Malaysia oleh sebab pada masa itu kejadian tersebut belum berlaku lagi. Namun demikian memang sedia wujud satu jentera di mana kita setiap masa ada perundingan di antara negara-negara ASEAN mengenai keselamatan bersama, juga soal seperti Kampuchea dan sebagainya. Malaysia sudahpun membuat satu kenyataan yang tegas mengutuk pencerobohan Vietnam baru-baru ini terhadap Thailand dan kita juga telah merayu kepada seluruh dunia supaya turut mengutuk pencerobohan tersebut dan sudah tentulah kita akan mengambil langkah-langkah dan perbincangan seterusnya untuk memastikan supaya perkara tersebut tidak berulang lagi.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kegiatan separatist movement, dengan izin, di Thailand Selatan akan mempengaruhi perhubungan di antara Thailand dengan Malaysia. Dan apakah

pandangan dan pendirian Kerajaan terhadap perkara ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, separatist movement di Thailand adalah masalah hal ehwal dalam negeri Thailand dan Kerajaan Malaysia tidak akan campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri mana-mana negara dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing. Tidak hadir.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Fung Ket Wing tidak hadir).

LEBUHRAYA GUA MUSANG/ KUALA LIPIS—PEMBINAAN

16. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Kerjaraya menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap arahan yang dibuat oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini supaya lebuhraya Gua Musang/Kuala Lipis disiapkan segera. Sekiranya lebuhraya itu telah dimulakan bilakah ia dianggarkan siap dan boleh digunakan oleh orang ramai.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini telah selesai membuat kajian kemungkinan dan telah juga mengenal-pasti aliran jalan untuk pembinaan Lebuhraya Gua Musang/Kuala Lipis itu. Aliran jalan ini akan mencantumkan juga Raub dan Bentong.

Kementerian saya sekarang ini sedang merancang untuk membuat kerja-kerja ukur dan reka bentuk kejuruteraan secara terperinci. Adalah dianggarkan bahawa kerja-kerja ukur dan rekabentuk kejuruteraan akan mengambil masa lebih kurang dua tahun dan kerja pembinaan berikutnya akan mengambil masa lebih kurang tiga tahun.

TABUNG BERSAMA— PENUBUHAN

17. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (i) apakah kemajuan yang telah dicapai dalam penubuhan “kumpulan wang bersama” di bawah Program Integrasi untuk Komoditi (Integrated Programme for Commodities) untuk kestabilan harga komoditi di pasaran antarabangsa dan;
- (ii) memandangkan kepada kegagalan Dailog Utara-Selatan selepas Persidangan Kemuncak Cancun, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan negara-negara membangun Dunia Ketiga untuk menyelesaikan masalah “protectionism” yang diamalkan oleh negara-negara maju.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, rundingan-rundingan untuk menubuhkan Tabung Bersama telah selesai pada tahun 1980 dan teks Perjanjian tersebut dibuka untuk ditandatangani dan pengesahan pada 1hb Oktober, 1980 juga.

Syarat-syarat untuk menguatkuasakan Tabung Bersama ini ialah:

- (i) sekurang-kurangnya 90% yang menyumbangkan dua pertiga ($\frac{2}{3}$) Modal Sumbangan Langsung atau “Directly Contributed Capital” mesti mengesahkan Perjanjian itu, dan
- (ii) tidak kurang dari 50% daripada target bagi sumbangan sukarela yang dijamin (pledged) kepada Akaun Kedua mesti dicapai sebelum 31hb Mac, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, hanya syarat kedua dapat dicapai pada tarikh akhir 31hb Mac, 1982. Selaras dengan peruntukan dalam Perjanjian Tabung Bersama tarikh akhir pengesahan telah dilanjutkan hingga 30hb September, 1983 oleh dua pertiga ($\frac{2}{3}$) majoriti negara-negara yang telah mengesahkan Perjanjian itu.

Menjelang 30hb September, 1983 sebanyak 110 negara telah menandatangani Perjanjian ini tetapi cuma 64 negara yang menyumbangkan 41.46% Modal Sumbangan Langsung, telah mengesahkan Perjanjian tersebut. Syarat pertama masih tidak dapat dipenuhi dan mengikut peruntukan dalam Perjanjian negara-negara yang telah mengesahkan Perjanjian ini sebelum 30hb September, 1983 telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh masa bagi memenuhi syarat-syarat Perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Agung UNCTAD akan menghubungi negara-negara yang berkenaan mengenai perkara ini. Sementara itu Perjanjian itu masih dibuka untuk tandatangan dan pengesahan.

Sehingga 6hb Mac, 1984 sebanyak 110 negara telah menandatangani Perjanjian ini tetapi hanya 72 negara yang menyumbangkan 55.56% daripada Modal Sumbangan Langsung yang telah mengesahkannya. Ini masih tidak memenuhi syarat pertama untuk menguatkuasakan Perjanjian Tabung Bersama.

Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, telah menandatangani Perjanjian ini pada 30hb Disember, 1980 dan mengesahkannya pada 22hb September, 1983.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh negara-negara membangun dalam menghadapi dasar perlindungan oleh negara-negara maju ialah melalui perundingan yang

dianjurkan oleh, dengan izin, United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) dan General Agreement on Tariff and Trade (GATT).

Perundingan secara dua hala juga diadakan dengan negara-negara maju. Melalui kedua-dua cara ini, negara-negara membangun telah meminta negara-negara maju mengurangkan dan menghapuskan amalan perlindungan mereka yang telah menjejaskan eksport daripada negara-negara membangun. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, negara-negara maju juga diminta supaya memberi layanan keutamaan kepada eksport tertentu daripada negara-negara membangun.

Perundingan-perundingan di atas telah mendatangkan faedah seperti berikut:

- (1) Pengurangan kadar tarif ke atas eksport telah diperolehi melalui perundingan berbagai hala anjuran GATT. Dalam pusingan perundingan yang terakhir iaitu Tokyo Round 1973-1989 negara-negara maju telah bersetuju memberikan pengurangan tarif sebanyak 30% dalam tempoh 7 tahun mulai Januari, 1980.
- (2) Negara-negara maju telah juga bersetuju menubuhkan Sistem Keutamaan Am (Generalised System of Preferences—GSP) melalui di bawah UNCTAD. Barang-barang eksport keluaran negara-negara membangun yang termasuk dalam skim ini telah tidak dikenakan duti ataupun dikenakan tarif yang rendah dari kadar tarif biasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu negara-negara membangun juga telah dan sedang mengambil daya usaha untuk meningkatkan kerjasama perdagangan di kalangan negara-negara membangun. Melalui cara ini pasaran

keluaran eksport negara-negara membangun akan dapat diperluaskan lagi dan tidak hanya bergantung kepada pasaran tradisional di negara-negara maju. Sebagai contoh Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN Preferential Trading Arrangement) yang mana berjaya meningkatkan lagi perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama berhubung dengan masalah Tabung Bersama. Tadi mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat bahawa teks Perjanjian ini telah pun dilanjutkan buat beberapa kali tetapi sehingga 6hb Mac, 1984 cuma 72 buah negara sahaja yang mengesahkannya, jadi ini tidak mengikut syarat-syarat Perjanjian. Jadi saya ingin tahu apakah sebab-sebab negara-negara baki yang lain yang sebanyak 110 buah lagi yang enggan mengesahkan Perjanjian ini. Adakah mereka ini diugut oleh kuasa-kuasa besar ataupun mereka ini cuba, dengan izin, play safe?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah harapan kita supaya negara-negara yang kita harapkan menandatangani dan juga mengesahkan perjanjian ini akan tampil ke hadapan untuk menyertai, tetapi soal sama ada mereka itu ingin hendak menyertai atau tidak, saya rasa terpulang kepada pihak mereka untuk menilai. Harapan kita ialah kita tidak berhenti untuk meneruskan usaha supaya paling ramai yang tampil ke hadapan untuk menyertai. Memanglah dalam dunia ini banyak negara yang mempunyai sifat atau filosofi yang berlainan, yang mungkin tidak sama dengan filosofi kita, jadi mungkin memakan masa yang lebih panjang untuk mereka memikirkan. Walau bagaimanapun, saya telah memberitahu tadi bahawa Setiausaha Agung

UNCTAD akan menghubungi negara-negara yang berkenaan mengenai perkara ini dan memberi peluang supaya mereka itu dapat masa untuk memikirkan dan menandatangani dan juga mengesahkan perjanjian.

PEMEGANG BIASISWA DI LUAR NEGERI

18. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah mengambil sebarang tindakan terhadap pemegang-pemegang biasiswa Kerajaan di luar negeri yang mempunyai pendapat anti Kerajaan. Jika ada, nyatakan bilangan pelajar-pelajar yang terlibat dan di negara mana mereka belajar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap empat orang pelajar pemegang biasiswa Kerajaan di luar negeri yang mana kesalahan mereka dianggap berkaitan dengan tatatertib dan melanggar syarat-syarat perjanjian. Seorang dari pelajar tersebut adalah menuntut di USA diambil tindakan kerana perbuatan salah laku, yang pada pendapat Kerajaan menjatuhkan nama baik Kerajaan. Tiga orang lagi pelajar-pelajar dari United Kingdom kerana menjadi ahli di dalam pertubuhan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kata orang tua bapa borek, anak rintik. Apakah yang anti Kerajaan ini dan juga yang dibawa balik itu daripada anak orang-orang pembangkang?

Yang kedua, apakah sebelum anak-anak kita itu dihantar ke luar dalam orientasinya itu diterangkan bagaimana dasar Kerajaan dan diberi buku-buku supaya mereka itu baca buku-buku yang berkenaan dengan dasar Kerajaan dan juga hal-hal pemerintahan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan pertama tidak payah jawab.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Terima kasih. Ada niat itu barangkali.

Soalan yang kedua, di dalam orientasi ini memang apa yang kita lakukan sekarang ini sudah kita anggapkan sebagai lengkap, bukan sahaja bahan-bahan penerangan kita berikan dengan cukup, tetapi juga dalam siri ceramah-ceramah yang disampaikan oleh pentadbir dan pemimpin-pemimpin kita sudah pun mengandungi perkara-perkara yang mana pelajar-pelajar kita dapat mengelakkan daripada terpengaruh apabila mereka berada di luar negeri.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan kepada pelajar-pelajar yang pergi secara persendirian yang telah menjalankan aktiviti anti Kerajaan di luar negeri? Terima kasih.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga sedang kita timbang dan kajikan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 13, 15 dan 19 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

**BERNAMA/ASSOCIATED PRESS/
UNITED PRESS
INTERNATIONAL—PERJANJIAN**

3. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Penerangan menyatakan butir-butir mengenai satu perjanjian yang telah ditandatangani pada 10hb Februari, 1984 di antara Bernama dan Associated Press (AP) bagi menyebarkan berita dan khidmat foto

AP dan adakah perjanjian yang serupa telah juga ditandatangani dengan Reuter dan United Press International. Memandangkan Bernama akan menjadi pengedar berita yang tunggal kepada semua agensi-agensi berita asing, adakah beliau yakin gambaran-gambaran dan kenyataan-kenyataan yang tidak benar mengenai negara ini tidak akan wujud lagi.

Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): BERNAMA telah menandatangani suatu perjanjian dengan Associated Press (AP) pada 21hb Mac, 1984 dan kemudian dengan United Press International (UPI) pada 6hb Mac, 1984.

Mengikut perjanjian dengan AP, BERNAMA mempunyai hak tunggal untuk menerima dan mengedarkan perkhidmatan berita dan foto kepada pelanggan di Malaysia. Perjanjian dengan UPI juga memberi hak eksklusif kepada BERNAMA untuk mengedarkan berita dan foto dari UPI kepada akhbar di negara ini.

Selain dari perjanjian tersebut, Reuters juga telah membayangkan kesediaannya untuk mengadakan perkhidmatannya di Malaysia melalui BERNAMA dan rundingan di antara BERNAMA dengan pihak tersebut sedang berjalan.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan Yang Berhormat itu, ingin saya menjelaskan bahawa sungguhpun BERNAMA merupakan pengedar tunggal berita daripada semua agensi berita luar negeri, sebaliknya ia bukanlah pengedar tunggal berita dalam negeri bagi agensi-agensi berita luar negeri. Oleh kerana agensi-agensi berita antarabangsa boleh mendapat berita dari lain-lain sumber, termasuk pewarta-pewarta mereka sendiri yang bertugas di Malaysia maka itu segala gambaran dan kenyataan yang dibuat oleh mereka itu tidaklah dapat dikawal.

ASRAMA SEKOLAH MENENGAH ELUPORA SANDAKAN

13. **Tuan Hassan Alban bin Sandukong** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran sedar asrama Sekolah Menengah Kerajaan Elupora Sandakan sudah 5 kali dimasuki oleh anasir-anasir yang tidak diingini dan rumah Guru Besar sekolah dimasuki oleh pencuri. Apakah tindakan pihak Kementerian untuk menjamin kejadian-kejadian ini tidak akan berulang lagi.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Perkara ini adalah dalam pengetahuan Kementerian saya. Tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengelakkan kejadian-kejadian seperti ini adalah:

- (i) membuat laporan kepada pihak polis dan meminta kerjasama pihak polis untuk membuat rondaan yang lebih kerap.
- (ii) meminta kerjasama masyarakat setempat untuk bersama mengawasi kawasan sekitar sekolah tersebut.
- (iii) memperbaiki pagar sekolah tersebut dan menutup lobang longkang yang digunakan oleh penceroboh pada masa-masa yang lalu.
- (iv) mengarahkan jaga memperketatkan rondannya.

LEBUHRAYA TELUPID/ SANDAKAN/LAHAD DATU— PEMBINAAN

15. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah

lebuhraya antara Telupid/Sandakan/Lahad Datu akan dibina; anggaran kos pembinaan lebuhraya tersebut dan bilakah ianya dijangka siap dan sama ada beliau sedar kelewatan lanjut dalam pembinaan lebuhraya tersebut akan terus menyebabkan kesusahan kepada penduduk-penduduk khususnya semasa musim hujan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua jalan raya atau lebuhraya di Negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sendiri.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai lebuhraya antara Telupid/Sandakan/Lahad Datu itu, saya telah dimaklumkan bahawa persiapan "pre-qualification" bagi kontraktor-kontraktor telah selesai dan tender bagi pembinaannya akan hanya dapat dikeluarkan sebaik sahaja peruntukan untuk pembinaannya diperolehi.

Kos pembinaan lebuhraya ini adalah dianggarkan sebanyak lebih kurang \$122 juta bagi lebuhraya di antara Sandakan/Telupid, dan sebanyak lebih kurang \$115 juta bagi lebuhraya Sandakan/Lahad Datu.

Adalah dijangka bahawa pembinaan jalan raya ini keseluruhannya akan mengambil masa selama tiga tahun daripada tarikh kerja permulaan.

Saya sedar bahawa kelewatan membina lebuhraya tersebut akan menyusahkan penduduk-penduduk terutamanya dalam masa musim hujan, tetapi sukalah saya tegaskan bahawa semua projek pembangunan terpaksa dilaksanakan atau dimulakan, mengikut keutamaan yang berdasarkan kepada kedudukan keadaan kewangan negara.

PELANCONG ASING KE MALAYSIA

19. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelancong yang melawat Malaysia dalam tahun 1980, 1981, 1982 dan 1983 dan berapakah hasil yang diperolehi daripada pelancong-pelancong itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Bilangan ketibaan pelancong-pelancong asing yang melawati Malaysia dalam tahun 1980-1982 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1980	2,067,000
1981	2,344,900
1982	2,588,800

Bilangan ketibaan pelancong-pelancong asing bagi tahun 1983 belum diperolehi.

Mengikut ramalan yang dibuat bilangan pelancong-pelancong asing bagi tahun 1983 ialah seramai 2,695,000 orang. Ini bermakna kadar pertumbuhan di antara 1980 hingga 1983 ialah sebanyak 7.2%.

Bilangan ketibaan ke Sabah adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1980	76,000
1981	79,500
1982	71,800

Angka bagi tahun 1983 belum diperolehi. Mengikut ramalan yang dibuat, bilangan pelancong-pelancong asing bagi tahun 1983 ialah seramai 65,200 orang.

Bilangan ketibaan ke Sarawak adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1980	107,000
1981	109,200
1982	113,600

Bilangan ketibaan pelancong-pelancong asing bagi tahun 1983 belum diperolehi. Mengikut ramalan yang dibuat, pelancong-pelancong asing bagi tahun 1983 ialah seramai 108,700.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan ketibaan pelancong-pelancong asing bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak tidak boleh dicantumkan untuk mengelak kiraan berganda.

Anggaran-anggaran hasil yang diperolehi daripada pelancong-pelancong yang melawati Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Hasil</i>
	Juta Ringgit
1980	618.9
1981	869.3
1982	1,019.1

Anggaran untuk tahun 1983 belum dapat diperolehi. Kadar pertumbuhan di antara 1980 hingga 1982 ialah 19.8%.

Anggaran-anggaran hasil untuk Sabah adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Hasil</i>
	Juta Ringgit
1980	47.0
1981	67.0
1982	62.6

Anggaran untuk tahun 1983 masih belum diperolehi.

Anggaran-anggaran hasil untuk Sarawak adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Hasil</i>
	Juta Ringgit
1980	31.8
1981	44.0

Anggaran untuk tahun-tahun 1982 dan 1983 masih belum diperolehi.

BANJIR DI IPOH— MENGELAKKAN

20. **Tuan Peter Chin Gan Onn** minta Perdana Menteri menyatakan adakah sebarang rancangan secara luas (comprehensive) untuk menghadapi kebanjiran yang berlaku tiap-tiap tahun di seluruh negara, dan khasnya bagi kawasan di Ipoh antara Jalan Kuala Kangsar dan Sungai Pari yang mengalami seringkali kebanjiran pada penghujung setiap tahun. Dan sama ada satu kajian telah pun dibuat dan berapakah ianya akan menelan perbelanjaan berbanding dengan wang yang boleh diselamatkan daripada

kerusakan banjir kepada harta benda dan pembangunan jika langkah mengelakkan banjir ini telah diambil.

Perdana Menteri: Kerajaan telah membuat beberapa kajian mengenai masalah banjir dan kajian ini telah dijalankan sejak awal tahun 70'an lagi. Hasil daripada kajian-kajian tersebut untuk mengatasi masalah dan mengurangkan kesan-kesan banjir, beberapa buah empangan serbaguna (multi-purpose) telah dibina di beberapa buah negeri seperti Empangan Temenggor di Perak, Empangan Macap di Johor, Empangan Kanyir di Terengganu. Di samping itu, di kawasan-kawasan tertentu, Kerajaan telah membina projek peparitan yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan saluran untuk pertanian di samping akan dapat mengurangkan banjir di kawasan tersebut.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, banjir yang berlaku di kawasan Ipoh di antara Kuala Kangsar dan Sungai Pari ialah akibat daripada limpahan air Sungai Pari dan cabang-cabangnya. Bagi mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut, satu projek mencegah banjir telah pun dikesan yang mana melibatkan pembesaran dan mendalamkan Sungai Pari serta cabang-cabangnya sejauh 34 km yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$16 juta. Akan tetapi pelaksanaan projek ini tertaklukkan kepada keutamaan dan juga kemampuan kewangan Kerajaan.

INSTITUT SUKAN—KEMUDAHAN

21. **Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah kemudahan sukan seperti gelanggang tenis, gelanggang badminton, sepak takraw, gimnasium dan meja ping pong di Institut Sukan Kampung Pandan boleh

disewakan kepada orang ramai memandangkan bahawa kemudahan-kemudahan sukan untuk orang ramai adalah sangat kurang di Wilayah Persekutuan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kemudahan-kemudahan sukan di Institut Sukan (Pusat Sukan) Kampung Pandan boleh disewakan kepada orang ramai tetapi keutamaan-keutamaan penggunaannya diberi kepada projek-projek berikut:

- (i) Projek-projek yang dianjurkan oleh KKBS seperti Kem-Kem Bakat, Klinik-klinik Sukan, Kursus-kursus Kejurulatihan atau Seminar-seminar Sukan.
- (ii) Latihan-latihan Pusat Pasukan Kebangsaan yang akan mengambil bahagian dalam temasya-temasya sukan antarabangsa.
- (iii) Projek-projek yang dianjurkan oleh Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan.
- (iv) Projek-projek sukan yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan lain.

Jika terdapat masih lagi ada kekosongan bagi kegunaan kemudahan-kemudahan tersebut itu maka bolehlah orang ramai memohon menyewa untuk menggunakannya. Walau demikian permohonan secara berpasukan ataupun berpersatuan adalah diberi keutamaan.

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR— SEREMBAN

22. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilangan kemalangan maut dan tidak maut yang berlaku sepanjang Lebuhraya

Kuala Lumpur/Seremban semenjak beliau bertugas sebagai menteri berkenaan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Yang Berhormat Menteri Kerjaraya pada ketika ini berada di luar bandar Kuala Lumpur untuk menjalankan tugas yang mustahak. Oleh itu saya ditugaskan untuk menjawab soalan Yang Berhormat yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri secara persendirian.

Untuk makluman Yang Berhormat, soalan ini sepatutnya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kerana perkara ini adalah dalam bidang kuasa Kementerian itu ataupun ditujukan kepada pihak Polis Diraja Malaysia yang mengutip dan menyimpan data-data ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk S. Samy Vellu telah dilantik menjadi Menteri Kerjaraya pada Oktober 1979. Kemalangan yang berlaku dalam tahun 1979 dan semenjak tahun itu, setakat mana yang boleh dikumpulkan daripada pihak polis ialah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kemalangan</i>	<i>Bilangan Kematian</i>
1979	227	17
1980	254	25
1981	275	22
1982	302	35
1983	303	34

Bagi bulan Januari hingga Mac 1984, pihak Polis belum lagi dapat memberikan angka mereka yang terlibat dalam kemalangan dan kematian.

USUL

3.35 ptg.

**KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA
KEEMPAT (1981-1985)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 13 Tahun 1984.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (4hb. April, 1984).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Jabatan Perdana Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina pada masa perbahasan mengenai Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telah berlangsung dalam beberapa hari yang lalu.

Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan yang menyentuh pelaksanaan program-program di bawah Kementerian-kementerian yang berkenaan, yang mana Yang Berhormat Menteri berkenaan akan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat telah menimbulkan perbahasan yang hangat dan Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi hujah-hujah dengan panjang lebar dan hujah-hujah tersebut boleh dikumpulkan di dalam beberapa kumpulan iaitu, kedudukan Ekonomi dan Kewangan Negara, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Guna Tenaga Negara, Dasar Kependudukan, Dasar-dasar Mengenai Pengswastan, Persyarikatan Malaysia, Dasar Pandang ke Timur, Pelaksanaan Dasar Pertanian Negara, Pembangunan Pertanian dan Pembangunan Wilayah, Galakan Perindustrian, Peruntukan-peruntukan untuk Program-program dan Projek-projek di dalam Kajian Separuh Penggal.

Dengan izin, saya akan menyentuh hanya perkara-perkara yang secara langsung ada hubungan dengan Jabatan Perdana Menteri, manakala yang lainnya tentu akan disentuh oleh rakan-rakan saya Menteri-menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Seremban telah membangkitkan perkara-perkara mengenai kemelesetan ekonomi dan defisit perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan menurut mereka, Kerajaan tidak boleh terus menyalahkan kedudukan ekonomi dunia di atas kelembapan ekonomi negara, kerana negara-negara yang tidak mempunyai sumber-sumber seperti Jepun, Singapura, Korea Selatan dan Taiwan terus berkembang walaupun keadaan ekonomi dunia adalah negatif.

Mengenai perbelanjaan defisit Kerajaan, Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan bahawa Kerajaan di dekad yang lepas telah melakukan perbelanjaan melebihi pendapatan negara dan keadaan ini juga diikuti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri menurut mereka tidak ada usaha-usaha dibuat untuk berjimat pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, tidak boleh kita nafikan bahawa kemelesetan ekonomi dunia telah menjejaskan perbelanjaan keseluruhan negara-negara di dunia ini. Ini termasuklah negara-negara seperti Singapura, Korea Selatan dan Taiwan.

Bagi Singapura dan Korea Selatan pertumbuhan ekonomi telah menjadikan bertambah iaitu dari 9.3% dan 7.1% dalam tahun 1979 kepada 6.3% dan 3.5% dalam tahun 1982. Prestasi ekonomi bagi Jepun juga telah terjejas di mana kadar pertumbuhan ekonomi merosot dari 5.2% dalam tahun 1970 kepada 4.8% tahun 1982. Oleh yang demikian adalah tidak benar bahawa negara-negara tersebut tidak terjejas oleh kemelesetan ekonomi dunia. Selain daripada kemelesetan ekonomi dunia, masalah-masalah dan batasan-batasan struktur telah juga menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Ini telah dijelaskan dengan panjang lebar dalam

dokumen Bab II Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Lambir, Kapit, Jerai, Kinabatangan dan Kota Melaka telah membangkitkan perkara mengenai masalah pembasmian kemiskinan dan di antara lain telah menjadi persoalan atas angka-angka mengenai kadar kemiskinan yang ditunjukkan di beberapa Jadual di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan di antara mereka telah menyatakan keraguan terhadap cara garis kemiskinan dikira dan juga yang membangkitkan perancangan di antara angka-angka kemiskinan dikeluarkan oleh SERU dan Unit Perancang Ekonomi. Ahli Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak mesti dihadkan kepada tempoh 1990 sebagai tarikh akhir pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan mencadangkan supaya Dasar Ekonomi Baru ditukarkan nama kepada Dasar Ekonomi Nasional yang tidak mempunyai had masa dan ada juga yang menyatakan bahawa konsep membasmikan kemiskinan adalah merupakan satu konsep yang terlalu ideal dan satu angan-angan. Dan dengan itu adalah lebih tepat jika matlamat ini diubah kepada matlamat yang lebih praktikal iaitu mengurangkan kadar kemiskinan.

Ada juga Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa berada beberapa langkah di belakang para intelek mengenai perkara pembasmian kemiskinan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengiraan kadar kemiskinan seperti yang dinyatakan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat adalah berasaskan pendapatan garis kemiskinan. Metodologi bagi pendapatan garis kemiskinan telah dijelaskan dalam Bab 3, Perenggan 189 dan 190 dalam dokumen Kajian

Separuh Penggal yang telah dibentangkan. Sungguhpun penyiasatan perbelanjaan isi rumah tahun 1973 telah digunakan sebagai salah satu asas bagi pengiraan pendapatan garis kemiskinan dan penyiasatan ini adalah agak lama, iaitu lebih daripada 11 tahun, perubahan-perubahan dalam corak perbelanjaan dalam tempoh 1973 hingga 1984 didapati tidak begitu besar, oleh yang demikian hasil penyiasatan ini masih belum digunakan lagi.

Bagi mendapatkan angka-angka mengenai kadar kemiskinan, Kerajaan telah menggunakan satu metodologi yang telah pun digunakan dalam rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang terdahulu. Metodologi yang digunakan ini mengambil kira pendapatan yang diterima oleh sebuah isi rumah dan faktor-faktor yang memberi kesan ke atas pendapatan isi rumah termasuk saiz kebun, daya pengeluaran, teknologi yang digunakan, iaitu sama ada menggunakan benih yang berhasil tinggi atau rendah dan penanaman satu musim atau dua musim, kos pengeluaran dan harga-harga keluaran tanaman. Selain daripada pendapatan dari kebun, punca-punca pendapatan lain juga diambil kira. Metodologi ini telah digunakan untuk mendapatkan angka-angka mengenai kemiskinan seperti dalam Jadual 3-2.

Angka-angka mengenai kadar kemiskinan yang terdapat dalam Jadual 3-2 dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat adalah bagi tahun 1983 dan dari itu perbezaan dengan angka-angka kemiskinan yang dikeluarkan oleh SERU bagi tahun 1981/82. Semasa kajian oleh SERU dijalankan pada akhir tahun 1981 dan awal tahun 1982, ekonomi negara sedang menghadapi kemelesetan paling buruk sekali dan harga-harga barang utama seperti benih, minyak kelapa sawit dan kelapa berada di paras yang

paling rendah. Angka-angka kemiskinan bagi tahun 1983 yang dikeluarkan oleh Kajian Separuh Penggal mengambil kira harga-harga yang lebih tinggi dalam tahun 1983 dan perkembangan-perkembangan lain yang terbaru.

Angka-angka kadar kemiskinan bagi Sabah, begitu juga Sarawak adalah berasaskan satu kajian yang telah dijalankan oleh Kerajaan. Kajian ini mengambil kira tingkat pendapatan dan keadaan hidup di kedua-dua negeri itu seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, angka-angka kemiskinan ini adalah sebagai "indicator" sahaja oleh kerana ia tidak mengambil kira sepenuhnya kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan.

Perlu ditegaskan juga bahawa kadar kemiskinan keseluruhan bagi Sabah dan Sarawak adalah secara purata, oleh yang demikian ia tidak menggambarkan perbezaan atau intensity dalam keadaan kemiskinan yang terdapat antara kaum, kawasan atau bahagian daerah. Sungguhpun kadar kemiskinan kedua-dua negeri ini telah berkurangan, masih lagi banyak isi rumah yang didapati miskin.

Di Sabah sebanyak 54,900 isi rumah kaum peribumi adalah miskin, sementara di Sarawak pula sebanyak 74,600 isi rumah kaum Melayu dan bumiputera yang lain yang miskin. Di Sabah oleh kerana kaum peribumi merupakan sebilangan besar daripada jumlah isi rumah miskin, maka tingkat kemiskinannya adalah lebih tepat menggambarkan keadaan kemiskinan di Negeri Sabah. Qualification yang sama juga dibuat bagi keadaan kemiskinan di kalangan kaum Melayu dan Bumiputera yang lain. Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya ke atas keadaan kemiskinan di Sabah dan

Sarawak. Projek-projek bertujuan meningkatkan pendapatan golongan miskin serta penyediaan kemudahan-kemudahan awam telah dan akan terus dilaksanakan bagi meninggikan taraf hidup golongan miskin di Sabah dan Sarawak.

Mengenai cadangan untuk mengadakan satu badan yang bebas bagi mengkaji kemiskinan di negara ini, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk berbuat demikian oleh kerana Kerajaan mempunyai kepakaran bagi membuat analisa ke atas kemiskinan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum tujuan pertama Dasar Ekonomi Baru ialah membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Saranan bahawa kemiskinan di kalangan kaum bukan Bumiputera telah diabaikan adalah tidak benar. Memandangkan bahawa kumpulan besar daripada orang-orang miskin, iaitu 86.4% dalam tahun 1983 terdapat di luar bandar, maka tumpuan usaha-usaha membasmi kemiskinan adalah di kawasan ini. Kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera di kawasan ini telah menikmati faedah-faedah daripada program-program dan projek-projek yang diusahakan oleh Kerajaan. Sungguhpun tumpuan usaha membasmi kemiskinan adalah di kawasan luar bandar, Kerajaan tidak pernah melupakan rakyat miskin di kawasan-kawasan bandar. Beberapa kemudahan awam seperti kesihatan, pelajaran, pengangkutan dan perumahan kos rendah yang dapat meninggikan taraf hidup rakyat miskin di bandar juga disediakan.

Seperti yang telah kita maklum matlamat Dasar Ekonomi Baru telah dirangka dalam tahun 1970 berasaskan kepada suasana ekonomi yang lebih cerah. Memandangkan pertumbuhan ekonomi negara telah terjejas akibat kemelesetan ekonomi dunia dan pertumbuhan ini tidak dijangka mencapai kadar 8% dalam tahun-tahun

akan datang, maka Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat telah menyatakan bahawa prospek untuk mencapai matlamat pembasmian kemiskinan menjelang akhir dekad ini tidaklah begitu cerah.

Suka saya maklumkan di sini bahawa di bawah rancangan jangka panjang 1971-1990, Kerajaan telah menetapkan bahawa kadar kemiskinan hendaklah dikurangkan kepada 16.7% pada tahun 1990. Buat pada masa ini Kerajaan belum lagi memutuskan sama ada tempoh ini hendak dilanjutkan atau tidak. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan terus dibuat bagi meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi di samping mengadakan beberapa penyesuaian semula terhadap strategi pembangunan luar bandar, seperti mengadakan perkebunan secara koperatif dan memperbandarkan kawasan-kawasan luar bandar dan mewujudkan pembangunan setempat (*in situ*).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk menukarkan nama "Dasar Ekonomi Baru", pada pendapat saya sama ada kita hendak panggil "Dasar Ekonomi Baru" itu "Dasar Ekonomi Nasional" tidaklah penting. Apa yang penting ialah pendapatan golongan yang berpendapatan rendah itu atau yang miskin dapat dipertingkatkan dan dari itu kemiskinan dibasmi serta matlamat penyusunan semula masyarakat dapat dicapai. Inilah yang sepatutnya menjadi isu, bukan nama dasar itu yang dicadangkan ditukar kepada Dasar Ekonomi Nasional.

Bagi mengatasi masalah kemiskinan, Kerajaan bukan sahaja merangka strategi yang menyeluruh tetapi juga strategi-strategi yang tertentu bagi tiap-tiap kumpulan miskin yang utama dan tiap-tiap sektor. Kerajaan telah menggunakan pendekatan ini dari dahulu lagi dalam usaha-usaha perancangan bagi membasmi kemiskinan untuk

menentukan supaya usaha-usaha ini adalah berkesan. Dalam Kajian Separuh Penggal beberapa pendekatan baru bagi membasmi kemiskinan diperkenalkan pula. Pendekatan ini telah diterangkan dengan jelas dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan laporan kajian ini, iaitu untuk mengadakan program pertanian berkelompok atau berkebum secara koperatif dan pengumpulan kampung-kampung yang berdekatan untuk dijadikan bandar kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berharap supaya kemiskinan rakyat tidak dijadikan isu bagi menambahkan popularity ataupun pengaruh politik mana-mana golongan. Kemiskinan rakyat hendaklah dilihat sebagai masalah nasional yang memerlukan perancangan yang berkesan bagi mengatasinya. Kita tidak seharusnya selalu terpengaruh dengan perbincangan secara teori yang selalu kita dengar dibuat oleh para akademik. Kita mestilah mengikut keadaan yang sebenar dan yang praktikal yang terdapat di negara ini. Ini setelah mengambil kira kepentingan negara serta keupayaan kewangan dan pentadbiran, tambahan pula mereka tidak mempunyai semua maklumat yang diperlukan untuk membuat sesuatu kesimpulan yang difikir munasabah. Namun demikian, Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak akademik semoga interaksi dengan mereka itu akan memberi faedah kepada negara, khususnya dalam bidang perancangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan soal perbezaan pendapatan dan mendakwa bahawa Kerajaan sengaja tidak mahu mengumumkan angka-angka pendapatan mengikut kelas. Beliau mendakwa Dasar Ekonomi Baru hanya berjaya menunjukkan "instant millionaires" di kalangan segelintir masyarakat Melayu. Jadi kalau ada jutawan Bumiputera walaupun secara

"instance", saya sukalah bertanya apa salahnya, adakah Bumiputera tidak berhak ataupun tidak mampu menjadi jutawan? Bukankah dengan adanya mereka maka mereka pula boleh menyumbang dengan lebih besar lagi dan yang lebih berkesan lagi ke arah pembangunan negara, khususnya pembangunan Bumiputera melalui perniagaan-perniagaan yang mereka usahakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut penyiasatan hak milik syarikat-syarikat berhad pada tahun 1976 bahagian hak milik syarikat-syarikat nominee ialah sebanyak 2.7% daripada jumlah keseluruhannya modal saham syarikat dalam tahun 1980. Bahagian-bahagian syarikat nominee ini telah meningkat menjadi 4% daripada keseluruhan saham syarikat.

Satu perkara yang penting kita ingat dalam hal ini ialah bahawa terdapat perlindungan dari segi undang-undang iaitu di bawah Akta Syarikat 1965 kepentingan atau pegangan modal-modal saham oleh syarikat-syarikat nominee tidak boleh ditunjukkan mengikut pecahan-pecahan golongan-golongan atau kaum-kaum yang memilikinya. Walau bagaimanapun berdasarkan maklumat-maklumat yang ada adalah dijangka bahawa sebahagian daripada hak milik menerusi syarikat-syarikat nominee adalah kepunyaan kaum bukan Bumiputera. Oleh kerana itulah sejak dari dahulu lagi Kerajaan setelah memutuskan supaya hak milik syarikat-syarikat nominee dimasukkan di bawah kumpulan rakyat Malaysia yang lain.

Mengenai pencapaian hak milik kaum Bumiputera, Tuan Yang di-Pertua, sektor-sektor ekonomi dokumen Kajian Separuh Penggal telah pun menunjukkan pencapaian mereka dalam sektor-sektor perladangan, perlombongan dan kewangan sahaja. Perkara ini telah pun saya sentuh semasa menyebut tentang

soal over-representation yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Pencapaian dalam ketiga-tiga sektor ini adalah melengkap tetapi pencapaian mereka di dalam sektor-sektor yang lain masih lagi perlu dipertingkatkan. Sungguhpun angka-angka belum dapat dikemukakan masa ini, Kerajaan berpendapat dalam pencapaian kaum Bumiputera di dalam sektor-sektor lain tidaklah sebegitu menggalakkan seperti yang didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pihak Kerajaan sedang meneliti dengan lebih lanjut perkara ini dan memang bercadang mengemukakan pencapaian mengikut sektor-sektor ini dengan lebih lanjut lagi dalam rancangan yang akan datang.

Saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa angka-angka pencapaian dalam bidang hak milik ini adalah selaras dengan tujuan Dasar Ekonomi Baru sejak dari awal lagi. Dasar Ekonomi Baru sebenarnya tidak mempunyai matlamat yang tertentu untuk tiap-tiap kaum di negeri ini. Apa yang dinyatakan di bawah Dasar Ekonomi Baru ialah matlamat bagi kaum Bumiputera, rakyat Malaysia yang lain dan orang-orang asing. Satu perkara yang perlu kita ingat dalam hubungan ini ialah bahawa angka yang ditunjukkan haruslah dianggap sebagai indicative sahaja. Angka-angka tersebut tidak dapat menunjukkan pencapaian sebenar dari segi penyertaan secara langsung di dalam pengurusan dan penguasaan syarikat oleh kaum Bumiputera. Apa yang perlu diukur sebenarnya ialah keupayaan dan kejayaan kaum Bumiputera dan juga lain-lain kaum dalam menyertai secara langsung pengurusan harta-harta dan kekayaan yang terdapat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar mengenai perkembangan tenaga manusia dan guna tenaga telah juga disentuh dalam perbahasan ini dan menurut Ahli Yang Berhormat dari

Kinabatangan satu dasar guna tenaga negara perlu diwujudkan dengan mengambil kira matlamat Dasar Ekonomi Baru itu.

Saya juga ingin menegaskan bahawa soal perbezaan pendapatan atau ketidaksamaan ialah satu perkara yang sentiasa wujud dalam mana-mana masyarakat. Kita mesti menerima fakta ini. Di negara ini keadaan pendapatan yang tidak seimbang antara kaum termasuk di kalangan kaum Bumiputera sendiri telah pun wujud dan akan terus wujud. Kita juga mesti sedar bahawa proses merapatkan jurang perbezaan ini memakan masa yang lama dan kita jangan menganggap bahawa kemajuan yang pesat sahaja akan dapat mengatasi masalah ini. Angka-angka pendapatan yang ditunjukkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat adalah bertujuan sebagai petunjuk sahaja. Tentulah kita tidak boleh membuat kesimpulan yang tepat berasaskan kepada angka-angka tersebut. Banyak lagi ukuran-ukuran kemajuan ekonomi yang lain yang perlu kita mempertimbangkan apabila kita membuat penilaian mengenai kejayaan kita dalam aspek ini. Potensi daripada penyediaan kemudahan-kemudahan asas serta peluang-peluang pelajaran dan latihan misalnya sangat perlu diambil kira dalam penilaian ini.

Jadual 3-3 dalam Laporan Kajian itu telah pun menunjukkan bahawa bahagian pendapatan bagi isi rumah-isi rumah di dalam kumpulan 40% terendah telah meningkat. Dasar Ekonomi Baru juga sebenarnya telah memberi faedah kepada kaum bukan Bumiputera malahan Dasar Ekonomi Baru juga telah membantu mengeluarkan jutawan-jutawan bukan Bumiputera dari segi pemilikan hak-milik modal saham sektor syarikat.

Kita dapati bahagian kumpulan rakyat Malaysia yang lain telah meningkat sebanyak sebelas kali daripada \$2.2 ribu juta kepada \$23.7

ribu juta antara tahun 1971 hingga tahun 1983.

Berkaitan dengan soal over-representation dari segi pencapaian kaum bukan Bumiputera berbanding dengan Bumiputera, saya berpendapat perkara ini tidak menjadi isu. Data-data dalam dokumen tersebut adalah berdasarkan fakta-fakta yang didapati daripada sumber-sumber tertentu yang terlibat dengan pencapaian-pencapaian tersebut.

Dalam hal pencapaian kaum Bumiputera pula kita harus ingat bahawa matlamat 30% yang disebutkan itu adalah sebenarnya dengan peredaran sekurang-kurangnya 30%. Jadi dengan peredaran masa kita lupa konsep ini dan mula membangkitkan soal over-representation, apabila pihak Kerajaan menyebut pencapaian kaum Bumiputera telah melebihi 30% seperti dalam pencapaian hakmilik dalam sektor-sektor seperti bank dan perladangan. Masih banyak lagi sektor-sektor di mana pencapaian Bumiputera di bawah matlamat 30% yang telah ditetapkan itu.

Mengenai pencapaian kaum Bumiputera dalam sektor syarikat, saya suka menegaskan bahawa anggaran-anggaran tersebut adalah berasaskan metodologi-metodologi tertentu yang telah digunakan sejak rancangan-rancangan yang lepas dan dari itu keputusannya adalah consistent dengan anggaran-anggaran yang lepas.

Mengenai hakmilik kaum bukan Bumiputera pula, saya ingin mengingatkan bahawa Ahli Yang Berhormat yang bertanya bahawa dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Kerajaan telah menggunakan istilah rakyat Malaysia yang lain dan bukannya bukan Bumiputera. Dari itu memanglah benar bahawa metodologi ini memasukkan hakmilik oleh syarikat-syarikat nominee bersama-sama dengan hakmilik kaum-kaum India, Cina dan

kaum-kaum lain di bawah kategori rakyat Malaysia yang lain. Dokumen Kajian Separuh Penggal menjelaskan perkara ini dalam Nota 1 kepada Jadual 3-12.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar mengenai perkembangan tenaga manusia dan guna tenaga yang ada pada masa ini sememangnya bertujuan membantu pencapaian kedua-dua matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dalam melaksanakan rangka jangka panjang Kerajaan telah menentukan matlamat-matlamat guna tenaga penuh serta menentukan latihan dan kecakapan tenaga buruh dan juga dorongan guna tenaga dalam pekerjaan di semua peringkat yang mencerminkan pembahagian penduduk mengikut kaum. Oleh yang demikian satu dasar guna tenaga negara tidak perlu diwujudkan buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai perkara jumlah penduduk bagi Malaysia iaitu 70 juta dan ada di antara mereka telah menyatakan bahawa bilangan penduduk sebegitu ramai tidak realistik kerana Malaysia masih mundur dari segi keperluan asas ekonomi, pembangunan ekonomi dan masih berleluasa kemiskinan. Ini adalah pendapat beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Mesyuarat).

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menentukan bahawa Malaysia boleh mempunyai jumlah penduduk seramai 70 juta selepas meneliti bilangan penduduk beberapa negara yang keluasanya hampir sama dengan keluasan negara kita. Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, matlamat ini bukanlah tidak bersyarat. Syarat yang penting ialah penduduk yang ramai itu perlu rajin bekerja dan berdisiplin

supaya dapat menyumbang kepada pengeluaran negara dan peningkatan daya pengeluaran.

Peningkatan daya pengeluaran melalui usaha-usaha melengkapkan pekerja-pekerja dengan pelajaran dan kemahiran, meluaskan saiz kebun-kebun yang diusahakan ataupun menyediakan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan dalam sektor moden adalah antara strategi-strategi untuk membasmi kemiskinan. Malah jika syarat-syarat rajin bekerja dan berdisiplin dipenuhi matlamat penduduk yang lebih ramai tidak perlu bercanggah dengan matlamat untuk membasmi kemiskinan dan penumpuan ekonomi yang lebih tinggi. Apa yang penting yang tersemat dalam matlamat ini adalah penekanan supaya negara mempunyai rakyat yang bermutu serta tinggi pula daya pengeluaran mereka dan sifat-sifat seperti kerajinan dan disiplin dipupuk di kalangan semua penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai dasar Kerajaan terhadap Penswastaaan Persyarikatan Malaysia dan Pandang ke Timur dan mereka telah membayangkan keraguan mereka sama ada dasar-dasar tersebut akan menguntungkan negara kita Malaysia.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dasar-dasar penswastaaan dan pandang ke timur adalah merupakan antara dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan dengan tujuan meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran serta menggalakkan sikap berdikari dan bekerja kuat di semua lapisan masyarakat.

Sebagai dasar baru yang melibatkan soal nilai dan pandangan hidup rakyat, Kerajaan sendiri memang mengakui bahawa kesan dari perlaksanaannya tentulah memerlukan masa yang panjang. Kerajaan berpendapat bahawa kemajuan yang menggalakkan telah

dicapai sehingga ini dan kita akan meneruskan lagi usaha-usaha pencapaian maksud ke arah ketiga-tiga dasar ini.

Dasar pandang ke timur khususnya adalah semata-mata bertujuan untuk kita mengambil, mempelajari dan mengamalkan nilai-nilai timur yang sesuai bagi tujuan memperbaiki cara-cara bekerja, teknologi serta pengurusan ekonomi kita.

Walaupun kita mempunyai dasar pandang ke timur ini tidaklah bererti kita mengabaikan perkara-perkara yang baik yang datang dari negara-negara barat. Soal sama ada negeri-negeri timur lebih untung daripada kita dari segi pegangan atau negeri tersebut sedang cuba menyesuaikan ekonomi kita adalah satu soal penting yang lain yang saya akui ahli-ahli perniagaan kita perlu fikirkan dan menyusun tindakan-tindakan bagi mengatasinya. Malahan saya berpendapat ahli-ahli perniagaan kita perlu memahami taktik-tektik dan corak perniagaan di samping mengkaji sebab musabab kejayaan yang telah dicapai oleh usahawan-usahawan dari negara lain yang bersaing dengan mereka. Hanya dengan benar-benar memahami faktor-faktor kejayaan mereka, kita dapat pula menyusun strategi-strategi yang lebih kemas untuk menjayakan perniagaan kita pula.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyatakan di antara lain keraguan beliau terhadap penubuhan industri berat sebagai perkembangan sektor perindustrian kerana ini akan membawa akibat pencemaran alam. Beliau juga telah menyatakan projek kereta kebangsaan dan besi keluli diluluskan tanpa mengambil kira feasibility projek-projek berkenaan dan beliau telah menyatakan kebimbangannya terhadap kemungkinan projek ini memerlukan perlindungan yang berlebihan. Sebaliknya beliau mencadangkan

supaya langkah-langkah diambil untuk menggalakkan industri teknologi tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pula menyuarakan supaya projek berasaskan petroleum dilaksanakan di negeri Terengganu terlebih dahulu sebelum ianya dibawa keluar kaum Bumiputera diberi keutamaan dalam melaksanakan projek-projek berkaitan dengan petroleum itu.

Tuan Yang di-Pertua, industri-industri berat merupakan asas bagi perkembangan sektor pembuatan disebabkan rantaian-rantaian yang dihasilkan daripada industri-industri ini. Kenyataan ini telah terbukti di kebanyakan negara-negara yang maju, tidak semua industri berat mengakibatkan pencemaran alam. Bagi projek-projek yang mencemarkan alam usaha-usaha akan diambil untuk menentukan pencemaran alam akan dapat dikawal menerusi penggunaan alat-alat kawalan yang sesuai tambahan pula negara ini telah pun mempunyai undang-undang yang ketat berkaitan dengan kawalan sekitar.

Tuduhan bahawa projek kereta nasional dan besi keluli telah diluluskan tanpa mengambil kira feasibility projek berkenaan adalah tidak benar sama sekali. Kajian kemungkinan telah dijalankan untuk menentukan viability projek-projek tersebut.

Mengenai kekhuatiran bahawa projek-projek memerlukan perlindungan, sukalah saya menyatakan jikalau pun perlindungan diperlukan ianya akan tertakluk kepada dasar perlindungan perindustrian semasa.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan diambil untuk meningkatkan kecekapan, daya pengeluaran dan mutu pengeluaran industri-industri tersebut supaya perlindungan boleh dikurangkan dan dihapuskan apabila didapati tidak diperlukan lagi.

Penggalakan industri berteknologi tinggi memang merupakan satu daripada strategi-strategi Kerajaan bagi sektor perindustrian. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman itu memang telah menjadi dasar Kerajaan bahawa projek-projek yang berkaitan dengan sumber-sumber alam akan ditempatkan seberapa boleh di negeri-negeri yang mempunyai sumber-sumber tersebut.

Dalam hal ini sememangnya negeri Terengganu telah memperolehi faedah banyak daripada projek yang berasaskan kepada sumber-sumber gas dan petroleum. Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada bumiputera dan melaksanakan projek-projek yang berkenaan dengan gas cecair dan petroleum. Industri-industri downstream serta sampingan yang berkemungkinan dimajukan oleh kaum bumiputera juga akan dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan dengan penjelasan-penjelasan yang telah saya huraikan tadi, saya berharap akan memberi lebih kefahaman mengenai dasar-dasar Kerajaan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Sebagaimana yang saya maklumkan daripada awal-awal tadi, saya tidaklah dapat menyentuh perkara-perkara secara detail seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan satu persatu. Jadi jawapan-jawapan yang telah saya berikan itu adalah berupa perkara asas, perkara-perkara pokok dan perkara-perkara dasar.

Walau bagaimanapun, segala pandangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan itu adalah semuanya dicatat dan

semuanya diberi perhatian dan diberi pertimbangan dan di mana yang difikirkan idea-idea itu adalah sesuai dan munasabah, maka ia diterapkan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan yang telah sedia ada yang akan terus dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat seterusnya.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahasan dan khusus menimbulkan perkara yang ada berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Saleh: Saya menjemput Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

4.06 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan mengenai usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Keempat yang baru selesai pada petang semalam, didapati tidak berapa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Saya amat berterima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan masing-masing yang berhubung dengan Kementerian saya dan seterusnya saya sukacita mengambil peluang ini untuk memberikan sedikit sebanyak penjelasan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah meminta supaya bantuan Rancangan Belia Berniaga ditambah dan bantuan untuk Rancangan Belia Peladang yang kini ditangguhkan dijalankan semula. Kementerian ini mengambil perhatian tentang saranan Yang Berhormat itu

dan akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan yang lebih besar bagi Rancangan Belia Berniaga untuk membolehkan lebih ramai lagi belia-belia mendapat bantuan untuk menceburkan diri di bidang perniagaan.

Mengenai Rancangan Belia Peladang yang ditangguhkan buat masa kini, Kementerian saya dengan kerjasama Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi, di Jabatan Perdana Menteri sedang membuat kajian yang mendalam mengenai keberkesanan rancangan ini. Keputusan mengenai masa hadapan rancangan ini hanya akan ditentukan setelah hasil kajian itu diperolehi kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Baling pula meminta memperbanyakkan lagi latihan-latihan bagi meninggikan aspek-aspek kerohanian dan ekonomi di kalangan belia. Sukacita saya menegaskan, Kementerian saya memang sentiasa menekankan perkara-perkara yang berkaitan dengan moral melalui semua jenis latihan yang dianjurkan sama ada di pusat-pusat latihan atau di kursus-kursus anjuran Kementerian.

Kursus-kursus mengenai ekonomi juga dijalankan oleh Kementerian saya untuk memberi kesedaran, dorongan dan kemahiran kepada belia-belia bagi merebut peluang yang ada untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Kursus-kursus kemahiran ini dijalankan oleh Pusat-pusat Latihan Belia dan di Dusun Tua, Pertak dan Kuala Terengganu. Di samping itu latihan sambil bekerja juga dijalankan bagi belia-belia yang tidak mendapat tempat di Pusat-pusat Latihan Belia.

Berhubung dengan sukan pula, Ahli Yang Berhormat dari Parit juga mencadangkan supaya bantuan dan kemudahan sukan diperluaskan, khasnya di kawasan luar bandar supaya dapat di ketengahkan bakat-bakat yang ada. Ahli Yang Berhormat dari Baling juga menyeru supaya memperbanyakkan lagi padang-padang permainan.

Sememangnya menjadi keutamaan Kementerian saya mengadakan projek-projek sukan bagi mengesan dan mengasuh bakat-bakat belia. Projek-projek ini meliputi kursus latihan sukan, kem bakat dan skim persijilan.

Di bawah kursus Pusat Latihan Sukan yang diadakan di peringkat daerah, belia-belia diberi latihan oleh Jurulatih-jurulatih Sukan yang berkelayakan.

Kem bakat pula diadakan bagi mereka yang berumur 18 tahun ke bawah yang mempunyai potensi. Mereka ini dikesan dan dipilih untuk diberi latihan khas dalam bidang sukan-sukan tertentu. Sementara itu, di bawah kursus Skim Persijilan, jurulatih-jurulatih diberi latihan. Mereka dikehendaki mengadakan kursus-kursus kejurulatihan pula di peringkat tempatan.

Berkaitan dengan kemudahan-kemudahan dan alat-alat sukan pula, Kementerian telah membina Tapiantapian Gelanggang yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan latihan. Bantuan juga diberi untuk membaiki dan membina kemudahan sukan di luar bandar. Insya Allah, jika keadaan ekonomi bertambah baik, Kementerian saya akan memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan sukan terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Mengenai kebudayaan, saya bersetuju benar dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Bruas yang mengatakan bahawa masalah tarian singa tidak perlu diheboh-hebohkan lagi. Dalam perkara ini sukalah saya menegaskan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri tidak pernah membesarkan isu tersebut. Tetapi sebaliknya terdapat setengah-setengah pemimpin politik yang kurang bertanggungjawab yang telah menggembar-gemburkan perkara ini dan menjadikannya seolah-olah ia adalah satu isu yang maha besar. Saya tidak dapat memahami apakah

tujuan dan muslihat mereka sebenar, hanya mereka yang berkenaan sahajalah yang mengetahuinya.

Sesungguhnya persoalan tarian singa adalah suatu aspek yang kecil di dalam kesenian dan menjadi terlalu kecil dalam konteks keseluruhan kebudayaan itu. Oleh yang demikian, sememangnya ia tidak harus diperbesar-besarkan, apatah lagi perkara ini telah terlalu kerap diperbincangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh yang demikian sukalah saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya perkara-perkara remeh-temeh ini tidak dijadikan bahan untuk bercakap di dalam Dewan ini. Soal asal usul tarian singa itu juga tidak perlu diperdebatkan, yang pentingnya ialah ia tidak melambangkan tradisi budaya negara ini dan tidak merupakan suatu unsur yang boleh memperkukuhkan perpaduan nasional dalam konteks negara sekarang.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan cadangan-cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dijalankan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Wilayah Persekutuan.

4.12 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahril bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyampaikan jawapan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan di atas cadangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ketika membahaskan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh mengenai kemiskinan yang

terdapat di bandar dengan merujuk kepada Wilayah Persekutuan dan Lembah Kelang pada keseluruhannya. Ahli Yang Berhormat itu juga seterusnya menegaskan perlunya bantuan yang menyeluruh tanpa mengira kaum dalam usaha menghapuskan kemiskinan di bandar dan mencadangkan beberapa perkara seperti peruntukan rumah harga rendah bagi golongan miskin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan apa yang telah disarankan oleh beliau sememangnya selaras dengan matlamat yang pertama di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan itu sendiri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sentiasa sedar akan masalah kekurangan rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan ini. Berbagai tindakan telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Kerajaan telah mensyaratkan bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah unit rumah yang hendak dibina oleh sesuatu pemaju perumahan swasta itu hendaklah terdiri daripada rumah kos rendah termasuklah rumah pangsa.

Penggunaan tanah yang dibuat secara maksima dan ekonomik ke atas tanah Kerajaan dengan mendirikan rumah bertingkat. Teknik-teknik pembinaan yang baru untuk mempercepatkan proses pembinaan seperti sistem pasang siap digunakan bagi tujuan ini.

Kementerian saya melalui Dewan Bandaraya pada masa ini sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan bandar baru Wangsa Maju dengan kerjasama sebuah pemaju swasta iaitu Peremba Sdn bhd dan kesemua tindakan yang diambil ini diharapkan dapat mempercepatkan lagi matlamat menyiapkan lebih kurang 30,000 unit rumah kos rendah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini untuk menampung keperluan yang sentiasa meningkat.

Selain daripada usaha-usaha secara usaha sama yang dijalankan di kawasan bandar baru Wangsa Maju itu, Dewan Bandaraya juga bergerak untuk mewujudkan beberapa lagi usaha-usaha sama dengan menggunakan tanah yang dimilikinya sebagai modal ataupun asas terhadap usahasama-usahasama tersebut bagi membangunkan perumahan sama ada bagi rumah kos rendah ataupun secara "comprehensive development".

Mengenai cadangan supaya memperbaiki kualiti hidup masyarakat dengan menyediakan keperluan asas, Kementerian saya sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini terutama kehidupan setinggan dan juga untuk memberi kemudahan asas kepada mereka.

Kawasan-kawasan setinggan yang tidak terlibat dengan projek-projek Kerajaan atau belum lagi hendak dipindahkan dalam jangka masa tertentu akan diberikan kemudahan-kemudahan yang perlu seperti paip umum, dewan orang ramai, gelanggang dan padang permainan, jalan dan parit, jambatan, peralatan gotong royong dan elektrik di mana yang mungkin.

Setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan akan dipindahkan dan ditempatkan semula di rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur.

Mengenai penyediaan tapak-tapak yang sesuai untuk peluang-peluang perniagaan pula, Kerajaan memang sedar tentang adanya sebilangan penjaja di sekitar Wilayah Persekutuan yang tidak diberikan tempat kemudahan yang memuaskan. Untuk mengatasi keadaan ini, Kerajaan telah pun dan akan melaksanakan berbagai projek untuk penjaja-penjaja.

Dewan Bandaraya sentiasa berusaha bagi mendapatkan tapak atau kawasan yang sesuai terutamanya kawasan yang

telah dibangunkan di pusat bandar. Tempat-tempat baru untuk penjaja akan digalakkan di dalam projek pembangunan kompleks-kompleks perniagaan swasta itu sendiri. Kawasan untuk penjaja akan disediakan dalam kawasan-kawasan perumahan juga. Dalam pada itu Dewan Bandaraya akan terus mengawasi penyediaan kawasan penjaja dan mengawal pertumbuhan penjaja bergerak yang tanpa lesen.

Penglibatan pihak swasta dalam memperuntukkan kawasan penjaja amatlah diperlukan. Kawasan-kawasan seperti ini boleh digabungkan dengan rekabentuk bangunan pejabat ataupun kompleks perniagaan dan perdagangan tersebut. Dewan Bandaraya mempunyai rancangan sendiri membina kompleks yang dibekalkan dengan kemudahan asas seperti elektrik dan air untuk kesenangan dan kemudahan para penjaja. Kerajaan juga mempunyai rancangan supaya setiap kompleks perniagaan mengkhaskan tempat-tempat yang sesuai untuk golongan penjaja. Adalah diharapkan dengan menyediakan kemudahan penjaja di kompleks-kompleks tersebut penjaja yang berlesen akan dapat menjalankan perniagaan mereka dengan keadaan yang lebih baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua cadangan yang dibentangkan itu oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan sebenarnya telah pun diambil kira dan telah pun dimasukkan dalam pelan struktur Kuala Lumpur.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab di Wilayah Persekutuan, Kementerian saya akan menentukan kemiskinan di dalam Bandaraya ini diberikan perhatian yang tegas walaupun secara keseluruhannya Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat lebih menekankan kemiskinan di luar bandar.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Kesihatan.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil perhatian berat tentang perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan ini dengan mengemukakan cadangan-cadangan, teguran-teguran, pandangan-pandangan dalam masa perbahasan usul yang kita perbahaskan ini. Cadangan-cadangan serta teguran-teguran itu akan dijadikan panduan dan pedoman di mana sesuai oleh Kementerian saya dalam merancang dan melaksanakan program di bawah bidang kuasanya.

Suka saya menerangkan bahawa Kementerian Kesihatan mempunyai polisi untuk menyediakan sejauh yang boleh sebuah hospital bagi tiap-tiap daerah di negara kita. Hospital-hospital baru dirancang untuk dilaksanakan secara berperingkat dan akan meliputi beberapa racangan pembangunan lima tahun.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak 6 buah hospital baru telah dirancang untuk dimulakan pelaksanaannya dalam tahun 1981/85 di Sarawak di daerah Sibu, Bau, Betong, Daroh, Julau dan Bintulu. Walau bagaimanapun, jadual yang dirancang itu kadangkala perlu dikaji semula oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti kemelesetan ekonomi negara, kekurangan tenaga mahir dan reka bentuk dan lain-lain. Di samping itu Kementerian Kesihatan juga mempunyai rancangan untuk membina kemudahan-kemudahan Kesihatan di daerah-daerah pedalaman mengikut kepentingan penduduk-penduduk. Rancangan ini dibuat secara berperingkat selaras dengan peruntukan yang

diperolehi serta juga keupayaan pihak-pihak pelaksana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lambir, Hospital Besar Kuching kini mempunyai peranan sebagai Hospital Pengajar dengan mengadakan kursus-kursus latihan untuk beberapa kategori pegawai-pegawai seperti doktor pelatih, jururawat, pembantu hospital dan lain-lain. Di samping mengadakan latihan lanjutan untuk doktor-doktor di bawah disiplin-disiplin perubatan pembedahan obstetrics dan gynaecology.

Buat masa ini tidak ada rancangan untuk melatih mahasiswa-mahasiswi perubatan di hospital besar di Kuching ini. Permintaan supaya didirikan sebuah Pusat Kesihatan di daerah Belaga telah beberapa kali ditimbulkan dalam Dewan ini. Ingin saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rejang, bahawa buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk membina sebuah Pusat Kesihatan di daerah tersebut memandangkan daerah tersebut telah disediakan dengan kemudahan-kemudahan seperti klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak dan lima buah gudang ubat kecil atau sub-dispensary. Di samping itu juga beberapa tempat dalam daerah tersebut diberi perkhidmatan bergerak sama melalui Pasukan Kesihatan Bergerak ataupun Perkhidmatan Perubatan Udara. Walau bagaimanapun, kajian akan dibuat semula untuk Rancangan Malaysia Kelima di atas kemungkinan mengadakan sebuah Pusat Kesihatan di daerah Belaga itu.

Mengenai harapan Ahli Yang Berhormat itu lagi supaya disediakan perkhidmatan doktor di daerah-daerah pedalaman. Suka saya memberitahu bahawa Kementerian memberi keutamaan untuk menempatkan doktor-doktor di kawasan-kawasan luar bandar. Dan daripada 16 buah daerah di Sarawak, Kementerian saya telah

mengisikan 15 jawatan dengan doktor-doktor dan tindakan sedang diambil sekarang untuk menempatkan seorang doktor di daerah Kanowit. Daerah Kapit, Song, Belaga telah pun mempunyai seorang doktor yang ditempatkan sejak bulan April, 1982.

Selain daripada menumpukan perhatian kepada pembinaan hospital-hospital dan pusat kesihatan, Kementerian Kesihatan ada juga menjalankan kajian untuk menentukan keperluan perkembangan kemudahan dari masa ke semasa ke atas perkhidmatan dalam semua bidang kepakaran di Hospital Besar Kuala Lumpur termasuk bidang Cardiology, Urology dan Neurology.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menegur bahawa di antara tahun 1955 dan 1980 peratusan kadar kematian bayi natal awal sebenarnya telah meningkat dari 20.7% bagi tahun 1955 kepada 50.6% pada tahun 1980 dan 70% dari kelahiran dan 77.1% dari kadar kematian ini adalah dari kawasan luar bandar. Tetapi kata beliau, kemudahan-kemudahan kesihatan terlalu berat sebelah kepada kawasan bandar sahaja.

Sukalah saya menerangkan di sini bahawa kematian bayi sebenarnya telah menurun dari 24.9 setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1980 kepada 19.3 setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1982. Kadar kematian natal ataupun neo natal mortality rate, dengan izin, yang menunjukkan kadar kematian bagi bayi di bawah umur satu bulan, telah sebenarnya menurun dari 30 setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1955 kepada 20.6 kematian setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1975 dan pada tahun 1982 menurun lagi ke 12.3 kematian setiap 1,000 kelahiran.

Bagi maklumat berkenaan dengan kematian neo natal di kawasan bandar dan luar bandar pada tahun 1982, kematian di kawasan luar bandar adalah

22 kematian setiap 1,000 kelahiran dan di kawasan-kawasan bandar 15.2 kematian setiap 1,000 kelahiran. Jadi, saya kurang pasti dari mana Ahli Yang Berhormat itu telah memperolehi angka-angka yang beliau sebutkan itu yang jauh beza daripada angka-angka benar.

Pada keseluruhannya perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak sebagai salah satu komponen yang besar dalam rancangan kesihatan luar bandar menggiatkan untuk mencapai taraf kesihatan yang bermutu tinggi bagi ibu dan kanak-kanak. Rancangan ini diperluaskan dengan menambahkan kemudahan kesihatan di luar-luar bandar dan bagi kawasan-kawasan terpencil pasukan bergerak telah juga ditubuhkan. Kadar kematian bayi adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti taraf sosioekonomi, kesihatan, pelajaran, kediaman pemakanan, sikap masyarakat dan sebagainya. Kadar ini dengan adanya taraf sosio dan ekonomi yang lebih baik telah membantu untuk menurun dari 78 kematian setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1955 kepada 19.3 kematian setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1982. Ini menunjukkan bahawa taraf kesihatan masyarakat telah diperbaiki.

Dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, perkhidmatan kesihatan luar bandar telah diberi keutamaan dari segi kemudahan-kemudahan fizikal, iaitu membekalkan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik bidan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, penekanan dan perhatian telah diberi kepada memperbaiki lagi keadaan kesihatan dan pemakanan masyarakat di luar bandar di samping terus mendirikan kemudahan-kemudahan kesihatan yang berhampiran dengan penduduk, mutu perkhidmatan juga diperbaiki. Misalnya pusat-pusat kesihatan kecil dinaikkan taraf ke pusat kesihatan besar dengan penempatan pegawai perubatan dan kakitangan

penyelia yang lain dan klinik bidan dinaiki taraf secara berperingkat ke klinik desa dengan latihan yang lebih giat diberi kepada bidan-bidan untuk membolehkan mereka menjadi juru-rawat desa. Pusat-pusat Kesihatan juga ditambah kakitangan dari segi bilangan dan mereka yang terlatih. Juga kemudahan-kemudahan lain ditambahkan seperti kenderaan alat-alat dan bekalan. Kementerian Kesihatan juga telah menjalankan satu kajian besar pada tahun 1977 hingga 1979 untuk menentukan kawasan-kawasan di mana perkhidmatan kesihatan belum dibekalkan atau tidak mencukupi. Kawasan-kawasan ini, khasnya kawasan-kawasan terpencil dan kurang bernasib baik, sedang diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat ini perkhidmatan kesihatan keluarga telah diasingkan sebagai rancangan keutamaan di Kementerian Kesihatan dan langkah-langkah akan terus dipergiatkan untuk mengatasi masalah-masalah kesihatan ibu dan kanak-kanak. Beberapa aktiviti sedang dilaksanakan untuk memperbaiki taraf kesihatan ibu dan kanak-kanak. Di samping aktiviti biasa seperti pelalian, jagaan bayi dan kanak-kanak, pemakanan dan lain-lain aktiviti-aktiviti khas telah juga dirancang seperti rancangan pengawasan pemakanan untuk bayi dan kanak-kanak. Rancangan pengesanan G6PD untuk bayi-bayi rancangan oral rehidrasi bagi kanak-kanak dengan penyakit cirit-birit dan pelalian mencegah penyakit campak.

Semua rancangan-rancangan ini bertujuan untuk mengurangkan kadar kematian kanak-kanak khasnya di luar bandar. Di samping itu masalah-masalah kematian ibu-ibu bersalin telah juga dikaji dan cara-cara mengurangkannya dilaksanakan, seperti memberi latihan kepada bidan-bidan kampung dan menyediakan "Emergency Squad"

di daerah-daerah di mana kadar kematian ibu masih terdapat tinggi.

Jadi hujah Ahli Yang Berhormat itu bahawa kemudahan-kemudahan kesihatan bagi kawasan-kawasan luar bandar tidak diberi tumpuan yang khas atau keutamaan yang cukup adalah tidak benar dan hasil daripada perhatian yang diberi itu kita jelas nampak dari angka-angka sebenar yang saya berikan tadi.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas teguran-teguran yang dibangkitkan oleh mereka.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

4.32 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kemaman dan Kepong yang telah menyentuh sedikit sebanyak ke atas perkara pemindahan teknologi atau dengan izin, transfer of technology, semasa perbahasan Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diambil perhatian yang berat oleh Kementerian saya. Ingin saya memaklumkan bahawa di dalam usaha untuk menggalakkan serta mempertingkatkan lagi pemindahan teknologi, beberapa rancangan telah pun diadakan. Kerajaan telah pun mengadakan sebuah Majlis Penyelarasan bagi Pemindahan Teknologi Perindustrian. Usaha-usaha yang lain telah pun dikendalikan seperti mengadakan sistem paten baru-baru ini, dan di dalam sistem ini sebuah Pusat Maklumat dan Dokumentasi Paten

(PIDC) akan ditugaskan untuk menyelidik dan mengkaji maklumat-maklumat mengenai paten dan menyibar maklumat tersebut untuk kegunaan di negara ini.

Tambahan lagi, satu Bengkel Kebangsaan mengenai Dasar-dasar dan Rancangan Pemindahan Teknologi telah diadakan pada bulan Disember tahun sudah yang disertai oleh pakar-pakar United Nations Industrial Development Organization (UNIDO) dan juga pakar-pakar dari Korea dan Jepun. Bengkel ini telah membincangkan perkara-perkara berhubung dengan dasar dan perancangan pemindahan teknologi dan juga mengkaji model-model pemindahan teknologi negara-negara yang telah dan sedang membangun termasuk negara-negara seperti Brazil, Korea, Jepun, Mexico dan sebagainya.

Selain daripada itu, Bengkel Kebangsaan tersebut juga mempertimbangkan mekanisme pemindahan teknologi yang sedia ada dan telah juga mengkaji isu-isu mengenai pemindahan teknologi. Dalam pada itu, Kerajaan adalah sedar bahawa infrastruktur yang terdapat di masa ini perlu diperbaiki lagi dan mengadakan mekanisme-mekanisme tertentu seperti penilaian teknologi atau dengan izin, technology assessment, pemasaran teknologi dan sebagainya.

Usaha-usaha untuk menggalakkan badan-badan penyelidikan supaya memindah teknologi untuk dipergunakan oleh pihak-pihak swasta, terutamanya untuk membangunkan industri-industri kecil adalah difikirkan penting untuk menentukan kejayaan pemindahan teknologi.

Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu dan usaha-usaha lain seperti menimbang laporan-laporan pakar dan juga mengkaji kemungkinan ataupun 'feasibility' serta strategi-strategi

tertentu untuk membantu usaha-usaha Kerajaan di dalam menambah pembangunan industri-industri di negara ini.

Kementerian saya di dalam usaha-usaha ini telah pun mengambil beberapa langkah, terutamanya di agensi seperti SIRIM, untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk mengadakan teknologi-teknologi tempatan dan juga menambahkan keupayaan penyerapan teknologi, dengan izin, capacity to absorb technology, yang memerlukan pakar-pakar kejuruteraan dan sebagainya. Langkah-langkah ini akan dipesatkan lagi di dalam badan-badan teknologi tertentu seperti Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Industri Logam ataupun Metal Industry Research and Development Centre (MIRDC) dan juga Pusat Teknologi Perindustrian Logam ataupun Metal Industry Technology Centre (MITEC).

Saya percaya dengan usaha-usaha yang akan ditambah di masa-masa yang akan datang, Kerajaan akan terus berjaya untuk menambahkan lagi proses-proses dan teknologi-teknologi yang boleh digunakan oleh industri-industri kecil dan besar di negara ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Penerangan.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang dan Ahli Yang Berhormat dari Julau yang telah menyentuh perkara berkenaan dengan Kementerian saya semasa perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah menyeru agar

diperbanyakkan lagi rancangan-rancangan khasnya rancangan tempatan televisyen.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa matlamat TV Malaysia ialah untuk menyiarkan 60% rancangan tempatan dan 40% rancangan yang diimport. Peningkatan ini adalah bergantung kepada alat kelengkapan serta tenaga penerbit yang ada. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1983 dan awal tahun 1984, 8 rancangan baru telah diterbitkan dan disiarkan menerusi Televisyen Malaysia. Rancangan-rancangan tersebut ialah Hadis Nabi, Sekali Peristiwa, Sorotan Seminggu, Sudut Seni, Berita Ringkas, Bangsawan, Opah dan siri PJ. Bagi tahun 1984 dan tahun-tahun yang akan datang Televisyen Malaysia akan berusaha untuk mengeluarkan lebih lagi rancangan-rancangan terbitan tempatan. Perhatian khas juga diberi kepada penerbitan, penggambaran dan pewarnaan supaya pengeluaran (production) itu akan menjadi lebih bermutu untuk kita semua menikmatinya.

Sekianlah, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

4.39 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyarankan supaya KEDA diberi peruntukan bagi melaksanakan projek pertanian secara estet di tanah milik yang terbiar untuk tanaman halia dan tebu selain dari tanaman utama iaitu padi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini KEDA belum cukup peruntukan bagi melaksanakan projek-projek pertanian di tanah milik terbiar. Walau bagaimanapun, KEDA

telah melaksanakan projek percubaan menanam halia dan serai wangi di Sik dan Padang Terap. Projek ini melibatkan kawasan seluas 2.6 hektar untuk halia dan 1.4 hektar sahaja untuk serai wangi. Jika tanaman-tanaman ini mempunyai potensi untuk dilaksanakan secara besar-besaran serta mendapat pasaran yang luas dengan yang demikian ada kemungkinan ianya dapat diusahakan di tanah milik yang terbiar secara estet.

Berkaitan dengan perkara ini penyemakan cukai yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit telah diputuskan oleh Majlis Tanah Negara bagi dilaksanakan pada 1hb. Januari, 1984. Satu Jawatankuasa Semakan Cukai Tanah telah ditubuhkan pada bulan Mei 1983 yang bertujuan menyelaraskan dan mensekukan tindakan-tindakan penyemakan cukai tanah. Namun begitu penentuan kadar cukai dan tarikh kuatkuasa kadar baru itu dibuat oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Kesemua negeri kecuali negeri Kedah Pulau Pinang telah menguatkuasakan kadar baru itu pada 1hb. Januari, 1984. Negeri Kedah dan Pulau Pinang akan menguatkuasakan kadar baru itu pada 1hb. Januari, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kapit telah memberikan pandangan supaya FELDA dan FELCRA meluaskan kegiatan mereka ke Sarawak. Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa Yang Berhormat dari Semarahan dan Lubuk Antu juga menyuarakan perasaan dan rayuan seperti yang dikemukakan oleh Ahli dari Kapit. Suka saya menyatakan bahawa sebenarnya FELCRA telah pun memperluaskan kegiatannya ke Sarawak semenjak tahun 1980 lagi, yakni di rancangan RASKOM di mana Lembaga ini yakni FELCRA terlibat dalam kegiatan rancangan penempatan semula orang Iban yang terancam oleh tindakan-tindakan pihak komunis. Dalam program ini, FELCRA meminta

melibatkan diri dalam pembukaan rancangan tanah yang ditanam dengan lada hitam dan getah bagi mereka yang terlibat dengan program pemindahan. Kegiatan Lembaga ini secara besar-besaran di luar Semenanjung belum dapat dilaksanakan sehingga Akta Lembaga ini dipinda terlebih dahulu. Setakat ini Akta FELCRA berkuatkuasa di Semenanjung sahaja. Berkenaan dengan cadangan supaya FELDA dipergiatkan di Sarawak, sebenarnya masih dalam pertimbangan pihak Kementerian dan juga rancangan penyusunan semula antara Kementerian dengan Kerajaan Sarawak sendiri. FELDA sedang mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri bagi mendapatkan kawasan untuk dimajukan. Jemputan secara rasmi supaya ianya meluaskan kegiatannya ke negeri masih ditunggu dari pihak Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, pihak saya dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak akan mengadakan perundingan berhubung dengan hal ini untuk menentukan cara-cara dan kaedah pelaksanaan rayuan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat dari Kepong telah memberikan pandangan berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh pihak pekebun kecil. Saya bersetuju bahawa saiz kebun yang kecil tidak menjamin akan dapat memberi pendapatan yang baik ataupun yang tinggi daripada taraf kemiskinan kepada pemiliknya. Mengikut rekod yang disimpan oleh pihak RISDA, purata hakmilik pekebun kecil ialah 2.2 hektar. Oleh kerana mereka mempunyai kebun yang kecil juga telah menghalang mereka menyertai skim tanaman semula kerana sekiranya mereka menyertai skim ini maka punca pendapatan mereka akan tergantung dalam jangka masa tanah ini belum mengeluarkan hasil. Walau bagaimanapun, saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat yang mengatakan bahawa program-program dan projek-projek yang dilaksanakan oleh RISDA

tidak dapat sambutan dari pihak pekebun-pekebun kecil.

Untuk makluman Yang Berhormat, segala program yang dilaksanakan oleh RISDA untuk pekebun kecil telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan. Sebagai contoh semenjak skim SEPENTAS dilaksanakan pada awal tahun 1981, ianya telah mendapat sambutan yang begitu hangat daripada pihak pekebun kecil. Dalam tahun 1983, sahaja perbelanjaan yang telah dibuat adalah sebanyak lebih daripada \$9.4 juta yang melibatkan 6,000 pekebun kecil. Selain daripada itu rancangan mini estet juga telah mendapat sambutan yang memuaskan. Sehingga akhir tahun 1983, 256 rancangan mini estet telah dimajukan yang melibatkan 29,970 hektar. Berkenaan dengan bantuan subsidi baja pula, sejumlah lebih daripada \$38 juta telah pun dikeluarkan semenjak 1979. Penglibatan pekebun kecil dalam pusat-pusat pembangunan pekebun kecil amatlah menggalakkan sehingga sekarang RISDA telah menubuhkan 1,473 pusat.

Yang Berhormat dari Pekan telah menyentuh mengenai SEPENTAS dan bertanyakan bagaimana dan kenapa ianya diberi pergantungan. Sebenarnya skim ini tidak ada digantung dan pada masa ini telah pun dijalankan semula cuma kadar pembayaran yang dibuat dalam bentuk kredit kepada pekebun-pekebun kecil getah ialah \$60 sebulan bergantung kepada kemampuan ianya menampung hidup menerusi projek-projek sampingan masing-masing. Harus dinyatakan bahawa ini adalah merupakan kredit dan bukannya subsidi. Dengan yang demikian, ianya berupa bantuan sementara mendapatkan pulangan dari kebun-kebun masing-masing sehingga ianya mendatangkan hasil.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Jemput Kementerian Pelajaran.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang terhormat yang telah melahirkan pandangan-pandangan yang bernas menyentuh beberapa aspek penting berkaitan dengan Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran telah mengambil perhatian berat di atas setiap aspek yang diperkatakan di Dewan yang mulia ini. Saya tidaklah dapat menjawab setiap soalan yang dikemukakan kerana setengah-setengah daripada perkara yang ditimbulkan telah pun dijawab dalam soalan-soalan mulut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan beberapa persoalan mengenai pelaksanaan KBSR, perantuman sekolah rendah, kekurangan guru, latihan guru, masalah pembangunan, UPM dan ITM di Sarawak dan seterusnya mengenai biasiswa dan pelajaran tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah membangkitkan soal saiz kelas. Kementerian Pelajaran memang memberi perhatian berat dalam masalah ini. Dengan pelaksanaan KBSR beberapa langkah baru telah diambil untuk memastikan tercapainya matlamat yang diharapkan. Di antaranya ialah menaikkan nisbah guru kelas menjadi 1:5 daripada nisbah asal 1:2. Di samping itu Pekeliling Iktisas 3/67 telah disemak semula dengan tujuan untuk memperbaiki saiz kelas supaya tidak melebihi 35 orang bagi kelas-kelas di sekolah rendah dan menengah biasa dan tidak melebihi 25 orang bagi kelas-kelas di sekolah-sekolah rendah kecil. Namun begitu, ini adalah satu norma yang unggul (ideal) yang menjadi hasrat Kementerian Pelajaran dan bukannya untuk dilaksanakan dengan serta merta secara serentak. Sebaliknya hasrat ini akan cuba dilaksanakan secara beransur-ansur.

Soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas mengenai sekolah kecil, adalah juga menjadi perhatian Kementerian saya kerana masalah yang dibangkitkan ini secara langsung boleh menjejaskan perjalanan pendidikan di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian menyeluruh ke atas semua sekolah kecil telah pun dijalankan oleh Kementerian saya beberapa tahun yang lalu. Di antara dapatan-dapatan kajian itu ialah prestasi kanak-kanak di sekolah ini adalah kurang memuaskan. Berdasarkan dapatan tersebut Kementerian Pelajaran memberi keutamaan sepenuhnya kepada proses percantuman sekolah-sekolah kecil ini. Tetapi di mana tidak mungkin, sekolah-sekolah tersebut akan dkekalkan dengan status lama mereka, sementara peruntukan kewangan yang lebih besar berdasarkan kepada satu formula peruntukan yang khas akan diberikan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit pula meminta Kementerian Pelajaran mengkaji mengenai pengambilan pelajar-pelajar miskin dari luar bandar yang berpeluang masuk ke sekolah berasrama penuh. Beliau mendakwa bayaran-bayaran yang dikenakan sangat tinggi sehinggakan mereka yang mempunyai biasiswa tidak mampu untuk menampung perbelanjaan tersebut. Di sini ingin saya menjelaskan bahawa perbelanjaan untuk membiayai pelajar-pelajar di sekolah berasrama penuh yang ditanggung oleh Kerajaan adalah sangat tinggi. Maklumlah sekolah memainkan peranan bukan setakat memberi ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar bahkan ia merupakan institusi yang bertanggungjawab bagi perkembangan rohani dan jasmani yang mana sepatutnya merupakan tanggungan ibu bapa.

Yuran yang dikatakan tinggi itu termasuklah bayaran makanan, cucian pakaian, membeli bahan-bahan bacaan

dan keperluan-keperluan runcit yang diperlukan oleh kanak-kanak kita. Jika anak-anak kita tinggal di rumah masing-masing, keperluan ini perlu juga ditanggung oleh ibu bapa. Jika dilihat keadaan sekarang prestasi sekolah berasrama penuh adalah sangat baik. Untuk mengekalkan prestasi ini pelajar-pelajar mestilah mempunyai kelengkapan yang cukup. Oleh itu adalah wajar sekiranya ibu bapa memberikan sumbangan dan pengorbanan yang sedemikian rupa kepada anak-anak mereka sebagai tanggungjawab ibu bapa.

Isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai kekurangan guru-guru, ingin saya menjelaskan adalah tidak benar bahawa berlakunya kekurangan guru-guru di sekolah menengah dan sekolah rendah. Apa yang berlaku ialah kekurangan guru-guru terlatih pada masa ini. Biasanya pada awal tahun kekurangan guru terlatih berlaku buat sementara waktu sahaja. Setelah dilantik guru-guru sementara, kekurangan ini tidaklah berlaku lagi.

Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan ini dengan melantik guru-guru sementara. Jumlah guru-guru sementara yang terdapat pada bulan Mac, 1984 adalah seramai 9,210 orang. Dari jumlah ini di peringkat sekolah menengah 656 orang untuk mengisi kekosongan guru-guru latihan maktab, dan 514 orang untuk mengisi kekosongan guru-guru siswazah. Di sekolah rendah pula 8,040 orang untuk mengisi kekosongan guru-guru terlatih di peringkat maktab. Kebanyakan guru-guru sementara di sekolah menengah akan digantikan oleh guru-guru siswazah yang keluar secara berperingkat-peringkat dari universiti-universiti tempatan iaitu pada bulan April, Julai dan Ogos.

Yang Berhormat dari Lubuk Sugut membangkitkan masalah guru-guru

terlatih di Sabah dan inginkan supaya jawatan-jawatan tersebut diberi peluang kepada anak-anak tempatan dari wilayah tersebut. Masalah yang serupa juga dihadapi oleh negeri Sarawak dan desakan yang sama juga telah disuarakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini.

Kementerian Pelajaran sedar tentang masalah ini dan sentiasa berusaha memperbanyakkan lagi anak-anak tempatan dari kedua-dua wilayah tersebut untuk menceburkan diri dalam lapangan perguruan sama ada di peringkat kelulusan maktab mahupun di peringkat universiti.

Jika kita tinjau dari perangkaan yang ada, penambahan calon-calon yang dimasukkan ke maktab-maktab perguruan dari negeri Sabah dan Sarawak tiap-tiap tahun kian bertambah. Sebagai contoh dalam tahun 1982 pengambilan calon-calon ke maktab-maktab perguruan dari anak-anak Sabah ialah 340 orang dan pada tahun ini telah meningkat kepada 441 orang. Demikian juga di Sarawak, pengambilan calon-calon ke maktab-maktab perguruan pada tahun 1982 ialah seramai 448 orang dan pada tahun ini ialah 674 orang.

Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat dari Lubuk Sugut memohon Kementerian Pelajaran supaya menerima calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan minima iaitu SPM untuk diterima masuk ke maktab tidak diterima kerana ini akan menggagalkan matlamat Kerajaan untuk meninggikan prestasi pencapaian pelajar-pelajar di kedua buah negeri tersebut.

Pada masa ini kita tidaklah hanya memikirkan soal kuantiti sahaja untuk menampung kekosongan guru-guru tempatan. Sebaliknya, Kerajaan sentiasa memikirkan soal kualiti guru-guru bagi kepentingan pengajaran dan pembelajaran jenerasi muda. Kita tidak

seharusnya terburu-buru dalam mengisi kekosongan yang ada kerana dikhuatiri apabila sampai masanya kita dapat mengadakan calon-calon yang berke Layakan dan berpotensi, di saat itu kita tidak lagi mempunyai ruang untuk menempatkan mereka dalam profesion perguruan. Ini akan menjejaskan perancangan kita untuk mempertingkatkan mutu pendidikan di kedua-dua wilayah itu iaitu Sabah dan Sarawak. Implikasi dari itu kelak masyarakat dari Sabah dan Sarawak akan berterusan mempertikaikan masalah kemunduran pelajar-pelajar dari kedua-dua negeri tersebut.

Mengenai dakwaan bahawa Penyelia-penyelia Sekolah dan Pegawai-pegawai Pelajaran di Sabah mempunyai pangkat yang rendah jika dibandingkan dengan Penyelia-penyelia dan Pegawai-pegawai Pelajaran di Semenanjung, adalah kurang tepat kerana Kementerian Pelajaran mempunyai skim perkhidmatan pelajaran yang sama bagi seluruh Malaysia.

Yang Berhormat dari Lubuk Sugut juga mengesyorkan supaya anak tempatan dari Sabah dilantik menjadi Timbalan Pengarah Pelajaran Sabah; perkara ini adalah menjadi amalan Kementerian Pelajaran untuk berbuat demikian sekiranya ada calon-calon tempatan yang sesuai untuk dinaikkan pangkat ke tahap tersebut.

Saya berasa bangga kerana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kapit, Lambir dan Saratok mengambil berat tentang pembangunan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak dan Institusi Pengajian Tinggi yang lain.

Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa kenyataan mengenai penarikan balik pertukaran-pertukaran Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak tidak begitu tepat. Sebenarnya projek-projek cawangan Universiti Pertanian Malaysia, UKM, ITM Sabah dan

Sarawak ini cuma ditangguhkan buat sementara waktu sahaja selaras dengan dasar Kerajaan untuk menyusun semula keutamaan pembangunan. Peruntukan \$10 juta untuk UPM Cawangan Bintulu tetap diberi kerana ini adalah untuk pembayaran khidmat perunding yang telah merancang dan mereka bentuk kampus tersebut.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri sentiasa mengambil berat tentang perkembangan projek-projek di Sarawak dan di Sabah.

Beliau sedar betapa pentingnya projek-projek ini dijalankan kerana dengan cara ini sahajalah masalah kegunaan tenaga manusia di Sabah dan Sarawak dapat diatasi.

Di samping itu projek ini juga adalah selaras dengan hasrat utama pembangunan negara iaitu integrasi nasional. Dengan yang demikian, sebaik sahaja ekonomi kita pulih, projek-projek ini akan insya Allah, diteruskan. Begitu juga halnya dengan ITM Sarawak dan Sabah, projek ini memang penting dari segi ekonomi dan sosial ianya akan segera diteruskan apabila peruntukan dapat diluluskan.

Memang tidak mustahil pada suatu masa yang akan datang kelak apabila keperluan sudah timbul dan keadaan sudahpun mengizinkan, kampus UPM Cawangan Sarawak mungkin akan menjadi nucleus yang dapat diperkembangkan menjadi sebuah universiti penuh.

Dalam pada itu suka saya mengingatkan bahawa walaupun di mana sekalipun sesebuah universiti itu didirikan, ianya adalah untuk kepentingan rakyat seluruh negara dan bukannya untuk penduduk tempatan sahaja.

Yang Berhormat dari Seremban dan juga Yang Berhormat dari Kota Melaka pula membangkitkan soal polarisasi

kaum dan menuduh bahawa Kerajaan memberi layanan yang tidak seimbang dan mengamalkan dasar diskriminasi terhadap pemuda dan pemudi bukan bumiputera dalam peluang-peluang untuk masuk ke universiti dan maktab-maktab tempatan.

Dalam soal ini, Kementerian Pelajaran telah mematuhi dengan penuh kesedaran Dasar Ekonomi Baru yang telah dibincang dan diterima di Dewan yang mulia ini. Untuk merapatkan jurang perbezaan kaum yang berlarutan sejak zaman sebelum negara mencapai kemerdekaan memang agak sukar.

Walaupun dasar kita hari ini dilebihkan sedikit pengambilan pelajar-pelajar bumiputera untuk memasuki universiti-universiti dan maktab-maktab tempatan, tetapi pada hakikat yang sebenarnya pelajar-pelajar Malaysia yang mempunyai peluang masuk ke universiti dalam dan luar negeri masih lebih ramai di kalangan bukan bumiputera. Jika diambil contoh-contoh pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri umpamanya, pada masa ini berjumlah lebih daripada 52,000. Dari jumlah ini bilangan pelajar bumiputera tidak melebihi 14,000 orang sahaja.

Yang Berhormat dari Seremban juga menyarankan supaya Kerajaan kita tidak menumpukan penghantaran pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran ke luar negeri seperti ke USA, Australia dan negara-negara Komunwel dan sebaliknya memikirkan mengenai penghantaran pelajar-pelajar ke Taiwan, Korea dan Jepun di mana teknologi negara tersebut juga adalah maju. Perkara ini memang telah difikirkan dan sebenarnya ramai juga pelajar-pelajar kita dihantar ke Jepun dan Korea Selatan bagi melanjutkan pelajaran di negara-negara tersebut. Usaha-usaha seperti ini tidaklah dilaksanakan secara mendadak kerana di dalam apa juga rancangan yang

dibuat kita sentiasa berwaspada dalam soal menilai kualiti graduan yang dihasilkan.

Di samping itu kita juga memerlukan persiapan asas yang konkrit kerana untuk menyambung pelajaran tinggi di negara-negara tersebut, kita terpaksa menyediakan pelajar-pelajar dengan bahasa pengantar di universiti-universiti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan persoalan mengenai perancangan tenaga terlatih. Kementerian saya memang sedar tentang perkara yang dibangkitkan ini dan usaha-usaha untuk mengatasinya telah pun dilaksanakan. Umpamanya kita bekerjasama rapat dengan agensi-agensi lain terutama dari segi memperimbangkan pengeluaran tenaga mahir, di samping itu kita tidaklah seharusnya lupa kepada matlamat penting Kementerian Pelajaran untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga mahir, tetapi ini tidaklah bererti yang output, dengan izin, dari sistem kita ini boleh melahirkan tenaga mahir yang lengkap.

Kementerian Pelajaran melalui sistem persekolahannya hanya bertanggung-jawab mengeluarkan individu-individu yang boleh dilatih ataupun trainable individual kerana proses pendidikan dan latihan adalah merupakan satu kegiatan yang bersambungan dan bukan menjadi tanggungjawab Kementerian semata-mata. Pihak-pihak lain seperti sektor perindustrian patutlah juga menerima bahagian perkongsian mereka masing-masing.

Kerajaan memanglah berusaha sedaya upaya untuk mengawal kemasukan penuntut-penuntut di dalam bidang-bidang pengajian tertentu, tetapi faktor, minat, selera individu yang berlainan dan kelayakan seseorang tidaklah boleh diketepikan sama sekali. Faktor ini juga tidak boleh diperkecil-kecilkan kerana ianya merupakan

prinsip asas dalam disiplin psikologi yang boleh memperkukuhkan lagi proses pendidikan dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya huraikan persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan dalam perbahasan, pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab secara langsung di Dewan yang mulia ini tidak bererti diketepikan begitu sahaja, sebaliknya setiap persoalan yang dikemukakan akan dikaji dan dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

5.04 ptg.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh kegiatan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan mengenai Karyaneka ataupun sistem pemasaran kraftangan di negara ini. Beliau telah mencadangkan supaya gerai-gerai karyaneka perlu dibuang untuk diganti dengan bangunan yang lebih besar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedar bahawa untuk menjayakan rancangan karyaneka ini kita perlu memastikan pengeluaran yang stabil, mutu yang tinggi dan harga yang berpatutan. Tetapi setelah perkampungan pemasaran karyaneka ini diadakan jelas bahawa dengan mutu yang ada, kita mendapati permintaan kepada barang-barang kraftangan begitu tinggi dan masalah yang sedang dihadapi ialah masalah pengeluaran.

Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dari Tampin supaya usaha menambahkan pengeluaran diperbesar. Memang itulah sebabnya maka Bahagian Industri Kampung diadakan untuk antara lain mengadakan mesin-mesin untuk membantu pengeluaran kraftangan, oleh kerana adanya penggunaan mesin maka bahagian ini dinamakan Bahagian Industri Kampung dan bukan karyaneka.

Saya ingin mengumumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa prestasi pemasaran karyaneka sedang meningkat dan bagi akhir bulan Mac jualan bagi sebulan telah naik sehingga \$121,000.

Yang Berhormat dari Baling, Pekan, Ulu Nerus telah menyeru supaya peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ditambah.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masalah mengadakan jalan, elektrik dan air di luar bandar. Jika masalah jalan, elektrik dan air di luar bandar ini ditimbulkan berlandaskan kepada tidak adanya jalan, air dan elektrik kampung-kampung dan di satu-satu kampung dipilih untuk membuktikan ketiadaan jalan, elektrik dan air di luar bandar, maka saya rasa gambaran yang menyeluruh mengenai masalah ini tidak dapat kita perolehi.

Eloklah saya mengumumkan di dalam Dewan ini khususnya elektrik luar bandar. Setakat ini 61% dari rumah di dalam negara sudah dibekalkan dengan elektrik. Di luar bandar pula hanya 40% sahaja daripada rumah-rumah telah dibekalkan dengan elektrik. Pada kadar kemajuan sekarang tiap-tiap tahun Kementerian mengadakan bekalan elektrik kepada 50,000 buah rumah dengan biaya \$3,000 tiap-tiap satu rumah. Ini bererti biaya untuk membekal elektrik di luar bandar tiap tahun \$150 juta. Jika pada kadar harga barang sekarang dan pertumbuhan penduduk sekadar 2.1% setahun untuk

dapat menyelesaikan program membekal elektrik luar bandar sehingga selesai memerlukan masa 26 tahun dan belanja \$3,900 juta. Oleh itu masalah kampung masih tidak ada elektrik akan kita dengar dalam Dewan ini sepanjang 26 tahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat begitulah juga cerita elektrik, jalan dan air di luar bandar, mungkin lebih cepat air, kemudian jalan, baru elektrik.

Ada yang mencadangkan kenapa kita tidak selesaikan masalah bekalan elektrik sekali gus. Jika kita pinjam wang \$3,900 juta sekali gus iaitu lebih dua kali pinjaman BMF di Hongkong, maka tiap-tiap tahun pada kadar faedah 10% kita terpaksa menanggung beban faedah \$400 juta. Itulah sebabnya maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapannya telah menyarankan supaya kita memodenkan kampung dengan mengadakan koperasi-koperasi yang menyatukan kampung-kampung. Dengan cara itu, jalan, elektrik dan air dapat dibekalkan, bukan sahaja dalam masa yang lebih singkat dari 26 tahun, tetapi dengan biaya yang kurang dari \$3,900 juta bagi elektrik. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

5.08 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung atau tidak langsung perkara-perkara di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sepanjang perbincangan mengenai Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Ahli-ahli Yang

Berhormat kepada trend yang banyak diperkatakan akhir-akhir ini iaitu mengenai sikap dan dasar Kerajaan yang berusaha keras untuk memajukan industri dan merancang pertukaran teknologi moden yang asasnya bermula dengan pertukaran peranan penguasaan terhadap institusi Kerajaan kepada swasta. Dalam hubungan ini, saya ingin menyentuh pada masa depan Jabatan Telekom.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, saya telah mengumumkan bahawa Jabatan Telekom dijangka akan dikendalikan oleh sebuah syarikat milik Kerajaan yang mana syarikat tersebut akan ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Keputusan penting ini telah dibuat oleh Majlis Tindakan Negara pada 6-3-1984 setelah dibuat kajian terperinci dari berbagai pihak dan pelbagai aspek. Perkara ini telah pun diumumkan melalui akhbar-akhbar tempatan baru-baru ini. Langkah penting ini dibuat semata-mata untuk memperlancarkan perkembangan infrastruktur teknologi telekomunikasi di Malaysia, di mana semua sektor memerlukan sistem telekomunikasi yang lebih dinamik dan moden termasuk dalam bidang perancangannya. Ini adalah satu penghijrahan baru bagi sektor-sektor, agensi Kerajaan ke arah pimpinan yang lebih bebas, dinamik dan selaras dengan kehendak-kehendak semasa.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan teknologi telekomunikasi pada masa ini tersangat cepat dan pantas. Hal ini memaksa negara-negara termasuk negara membangun dan juga yang sudah membangun, termasuk negara yang maju seperti United Kingdom dan Jepun untuk mengkaji semula prestasi pengurusan dan pentadbiran sektor telekomunikasi yang sebelum ini dikendalikan oleh Kerajaan. Pada masa ini di Amerika Syarikat dan Kanada perkhidmatan telekomunikasi sememangnya di bawah pihak-pihak

swasta, tetapi di negara-negara lain ianya sebagai Jabatan Kerajaan atau Badan Berkanun Kerajaan. Namun begitu mereka juga sedang mengkaji kedudukan ini. Nippon Telecommunication and Telegraph Company misalnya sedang dalam proses untuk menimbang dan mengemukakan kepada pihak berkuasanya untuk membenarkan pihak swasta melibatkan diri dalam perkhidmatan telekomunikasi. Begitu juga di Britain kita melihat pihak swasta akan diberi peluang mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi. Ini bermakna Malaysia turut menyedari dan bergerak maju ke depan bagi permodenan struktur telekomunikasi sejajar dengan perkembangan negara-negara maju di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Telekom yang nanti dikendalikan oleh sebuah syarikat kelak akan berfungsi sebagai syarikat niaga dengan segala aspek syarat dan punca kewangannya adalah sebagai syarikat perniagaan dan di samping itu perkhidmatan telekomunikasi akan dapat lebih cepat meningkatkan prestasi bagi memenuhi keperluan-keperluan semasa yang mencabar dalam pembangunan negara yang terus pesat dan maju ke depan. Kedudukan syarikat ini buat permulaannya akan dikuasai oleh Kerajaan, namun secara berperingkat ianya akan berkembang mengikut keperluan yang satu ketika mungkin membolehkan pihak swasta mengambil bahagian dalam pelaburannya.

Dalam hubungan ini suka pula juga saya menerangkan bahawa Kerajaan akan mengambi berat terhadap kedudukan kakitangan yang pada masa ini bertugas dalam Jabatan mereka. Ini selaras dengan dasar Kerajaan dalam melaksanakan polisi penswastaan bahawa para kakitangan Kerajaan tidak terjejas masa depan mereka.

Perlu juga dimaklumkan, walaupun agensi telekomunikasi ini berbentuk

sebuah syarikat tetapi kepentingan awam adalah tetap dijaga dan diambil kira, ini termasuk kepentingan Dasar Ekonomi Baru, perkhidmatan ke luar bandar, menjaga tarif yang berpatutan, menjaga kepentingan dari segi sekuriti. Untuk tujuan ini Kerajaan akan menubuhkan satu badan penyelia (regulatory body) mengawali kepentingan-kepentingan tersebut. Selain daripada itu, regulatory body itu juga akan bertanggungjawab untuk meluluskan lesen, meluluskan alat-alat yang tertentu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin supaya swasta dapat mengambil bahagian pada satu masa tertentu nanti maka struktur syarikat ini akan menggariskan peruntukan-peruntukan yang sesuai bagi keperluan tersebut. Kerajaan memang sedar dan memang menjadi satu dasar bahawa persaingan antara pihak-pihak swasta adalah digalakkan dalam soal mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikatakan, dengan izin, "value added" dalam perniagaan sistem telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan telekomunikasi sekarang bukan lagi tertumpu kepada telefon dan teleks, tetapi berkembang lebih jauh sebagai alat perhubungan yang moden dan berteknologi tinggi yang berkembang cepat. Perkembangan tersebut tidak dapat dikejar dengan cara pengurusan yang conventional dan birokrasi yang menjadi amalan lazim Jabatan-jabatan Kerajaan. Oleh yang demikian, saya telah mengarahkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab supaya berusaha dengan penuh dedikasi agar keputusan menjadikan agensi telekom sebagai sebuah syarikat dilaksanakan secepat mungkin, seboleh-bolehnya dalam tahun 1985.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Pertanian.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal yang baru berlalu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi teguran-teguran dan cadangan-cadangan mengenai beberapa aspek Dasar Pertanian Negara yang dilaksanakan oleh Kementerian saya.

Saya ingin merakamkan penghargaan di atas segala teguran dan cadangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Semua buah fikiran dan pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut akan diambil kira dalam pelaksanaan pembangunan pertanian di bawah Kementerian saya. Pada masa ini Kementerian saya sedang merangkakan strategi-strategi dan program-program untuk melaksanakan dasar ini. Program-program pembangunan yang akan dirangka akan memberi pertimbangan kepada program-program selaras dengan Dasar Pertanian Negara dan memenuhi keperluan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan hari ini saya tidak bercadang untuk menyentuh satu persatu mengenai persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan mengenai Dasar Pertanian Negara dan perkara-perkara yang berkaitan, tetapi saya akan menggulung persidangan ini dengan memberi penjelasan secara menyeluruh mengenai pembangunan pertanian di bawah Kementerian saya.

Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian seperti saiz ladang yang tidak ekonomik, tanah terbiar, paras pengeluaran yang rendah, kemiskinan, pemasaran dan lain-lain lagi. Sukacita dimaklumkan bahawa masalah-masalah yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberi pertimbangan semasa penggubalan Dasar Pertanian

Negara. Strategi-strategi yang diaturkan di dalam Dasar Pertanian Negara memberi pertimbangan kepada masalah-masalah yang dihadapi dan juga cara-cara bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat Dasar Pertanian Negara ialah untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya. Matlamat tersebut di atas akan dicapai melalui strategi-strategi berikut, iaitu pembukaan tanah baru, pembangunan "in-situ", perkhidmatan sokongan pertanian yang merangkumi aspek-aspek penyelidikan, perkembangan, pemasaran, cukai dan galakan pertanian dan strategi yang akhir ialah pembangunan sosial dan institusi. Daripada strategi-strategi yang tersebut adalah jelas bahawa Dasar Pertanian Negara mengambil kira semua aspek pembangunan pertanian, termasuk pembangunan manusia dan bukan hanya menekankan kepada daya pengeluaran sahaja.

Beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai kurangnya penekanan yang diberikan kepada masalah pembasmian kemiskinan kaitannya dengan pemilikan tanah yang tidak ekonomik yang diusahakan oleh petani-petani kecil. Di dalam usaha untuk memaksimumkan pendapatan pekebun menerusi peningkatan daya pengeluaran, Dasar Pertanian Negara adalah secara langsung menumpukan kepada langkah mengurangkan kadar kemiskinan di sektor pertanian dan memperbaiki kualiti hidup para petani. Walau bagaimanapun, kemiskinan tidak dapat dikurangkan hanya dengan projek-projek pembangunan pertanian sahaja memandangkan saiz tanah yang tidak ekonomik yang dipunyai oleh petani-petani kecil, tetapi ianya memerlukan usaha yang bersepadu

daripada sektor pembangunan yang lain dan punca pendapatan di luar ladang.

Bagi mencapai hasrat ini kebun-kebun kecil perlu disatukan di bawah satu pengurusan bagi peningkatan daya pengeluaran dan untuk mendapat keberkesanan yang lebih daripada penggunaan "in put" pertanian dan penggunaan teknologi moden. Sayugia dimaklumkan, bagi penanaman padi di kawasan baru, strategi Kementerian ialah menggalakkan para petani mengusahakan saiz tanah yang lebih ekonomik. Sehubungan dengan usaha menguruskan kebun-kebun yang kecil di bawah satu pengurusan yang cekap, Kementerian saya juga sedang memperingkatkan usaha-usaha memulihkan tanah sawah terbiar dengan pengurusan secara berkelompok.

Pembangunan sawah terbiar secara berkelompok akan membolehkan penggunaan sumber pertanian secara optima dengan penggunaan jentera bagi mengatasi masalah kekurangan buruh dan menyumbangkan pada peningkatan pengeluaran.

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan penekanan kepada pemberian bantuan petani-petani dan peladang-peladang adalah digalakkan lebih berdikari dan kurang bergantung kepada bantuan-bantuan Kerajaan. Aktiviti-aktiviti pertanian akan dijalankan secara ekonomik dan komersial dengan unit-unit pengeluaran yang lebih besar dan pengurusan secara cekap dan tidak lagi hanya memenuhi keperluan sara diri sahaja. Di masa yang lalu program bantuan subsidi yang bertujuan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan para petani nampaknya tidak begitu berkesan untuk memberi faedah sepenuhnya pada petani. Sehubungan dengan ini sebagai strategi perancangan Kementerian saya akan memberi penekanan yang lebih untuk mempergiatkan khidmat perkembangan dan juga peningkatan dan kecekapan pemberian kemudahan

kredit semasa jangka pendek atau jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai perusahaan perikanan di mana bantuan pukut dan lesen bot telah ditimbulkan adalah dimaklumkan bahawa dasar Kementerian tidak lagi mengeluarkan lesen-lesen pukut. Sayugia dimaklumkan bahawa sumber-sumber ikan di perairan pantai adalah semakin berkurangan memandangkan kepada penangkapan yang dibuat secara berluasan. Oleh itu arah aliran perusahaan ini di masa depan akan ditumpukan kepada aktiviti penerokaan lautan dalam. Sehubungan dengan ini pemberian lesen-lesen bot akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha yang akan menjalankan aktiviti penangkapan ikan di laut dalam.

Sehubungan dengan cadangan supaya ternakan lembu daging dipertingkatkan lagi, sukacita dimaklumkan bahawa di bawah Dasar Pertanian Negara ternakan lembu daging secara komersial dengan pengurusan yang cekap akan digalakkan dengan dipelopori oleh pihak swasta. Kerajaan tidaklah berhasrat untuk mengeluarkan keperluan daging lembu sepenuhnya untuk kecukupan negara. Pada masa ini pengeluaran daging lembu memenuhi 57% daripada keperluan negara. Tahap pengeluaran tempatan ini akan dipertingkatkan dengan memberi pertimbangan kepada faktor-faktor ekonomi dan teknikal di samping pengimportan daripada luar negeri bagi menampung keperluan negara.

Mengenai bantuan Kerajaan kepada negara yang kurang maju saya hanya suka menyentuh mengenai bantuan yang diberikan oleh Kementerian saya di dalam pembangunan pertanian kepada negara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, melalui rangka kerjasama Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Mali, Kementerian Pertanian telah memberi bantuan kepada Mali dengan menganjurkan

berbagai kursus untuk pegawai-pegawai pertanian, jurutera-jurutera, juruteknik-juruteknik Mali yang melibatkan bidang pertanian dan pengurusan sistem perairan. Bantuan berupa pemberian jentera pertanian dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan latihan di Institute of Politechnic and Rural Veterinary Clinic di Bamako, Mali juga telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan. Sekian.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Perusahaan Utama.

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab serta memberi ulasan Kementerian saya mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan Usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ulu Rajang telah mencadangkan supaya Kerajaan memberikan peratus tertentu kepada penduduk-penduduk tempatan kepada Trust Fund mereka supaya kemudahan asas mereka dapat dicapai. Ini adalah memandangkan kawasan Ulu Rajang mempunyai sumber-sumber kekayaan seperti kayu balak yang telah memberi banyak pendapatan kepada Kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta. Ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa soal pembalakan yang ditimbulkan itu adalah menyentuh dasar pengurusan hutan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri

mempunyai dasar tertentu mengenai pengusahasilan kawasan hutan. Saya percaya bahawa Kerajaan Negeri boleh menimbangkan cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan sekiranya ia selaras dengan dasar pengurusan hutan yang diamalkan oleh sesebuah negeri itu.

Perlu saya beri penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dan pandangan bahawa sumber hutan ialah sumber yang boleh dikatakan depletive, dengan izin, sumber yang sekiranya kita tidak terus menjaganya akan pupus dari permukaan bumi dan di samping itu sumber hutan ialah sumber yang hanya boleh memberi manfaat kepada sekumpulan manusia ataupun Kerajaan di suatu ketika sahaja sekiranya mereka hendak berbuat demikian. Tetapi apa yang saya hendak perkatikan ialah sumber hutan ialah sumber yang bukan hanya diturunkan di permukaan bumi ini untuk kita pada masa ini sahaja tetapi untuk generasi-generasi yang akan datang dan sekiranya kita tidak menjaga dan dengan izin, scale down pengeluaran pembalakan kita ataupun aktiviti pembalakan maka generasi-generasi akan datang tidak akan merasai nikmat yang pernah kita rasai semasa kita mempunyai bahan ini di masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Dr Chen Man Hin dari Seremban yang menggesa Kerajaan supaya mengambil tindakan yang perlu bagi mengatasi kadar kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil getah, pesawah-pesawah dan pekerja-pekerja lombong, ingin saya jelaskan di sini bahawa salah satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Kerajaan sentiasa sedar tentang keadaan kemiskinan yang terdapat di sektor barangan utama. Langkah-langkah terus diambil melalui pelaksanaan strategi dan program yang berkesan untuk memperbaiki taraf hidup pekebun-pekebun kecil dan pekerja-pekerja estet dan lombong. Ini

sekurang-kurangnya dapat mengatasi keadaan kemiskinan di sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekebun-pekebun kecil getah misalnya, Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah untuk meningkatkan lagi pendapatan pekebun-pekebun kecil. Ini dilaksanakan melalui usaha meningkatkan daya pengeluaran menerusi program tanaman semula getah dengan menggunakan benih-benih yang bermutu tinggi pemakaian teknologi baru termasuk amalan-amalan agronomi yang lebih baik dan penggalak susu. Di samping itu tanaman kontan akan diperkenalkan untuk menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil getah. Satu lagi langkah ialah dari segi mempertingkatkan pemerosesan getah untuk meninggikan mutu getah sama ada getah R.S.S.I. atau gred getah yang lain. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, sistem pemasaran getah juga diperbaiki melalui usaha agensi-agensi Kerajaan seperti MARDEC dan RISDA di mana hasil keluaran pekebun-pekebun kecil dapat pasaran yang terjamin.

Selain dari itu, Kerajaan juga sentiasa mengambil langkah-langkah menentukan harga getah yang berpatutan dan stabil melalui penyertaannya di dalam Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa dan pembelian getah oleh agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga menentukan supaya hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) disalurkan ke sektor pekebun-pekebun kecil untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran sektor tersebut. Satu Jawatankuasa pemindahan teknologi yang terdiri daripada Instituti Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), RISDA dan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Kebangsaan (NASH) sedang menggubal program-program untuk tujuan tersebut.

Melalui langkah-langkah yang tersebut di atas, daya pengeluaran

pekebun-pekebun kecil akan terus dipertingkatkan dan pendapatan yang lebih tinggi akan diperolehi. Ini selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, akan dapat mengurangkan kadar kemiskinan pekebun-pekebun kecil getah pada masa hadapan.

Untuk membantu pekebun-pekebun lombong mengatasi kemiskinan akibat daripada harga timah yang rendah dan penutupan lombong-lombong timah, Kerajaan telah menjalankan satu kajian kemungkinan di kawasan yang teruk mengalami penutupan lombong khususnya untuk menubuhkan industri-industri yang dapat menggunakan kemahiran pekerja-pekerja lombong tersebut. Satu kajian yang khusus dijalankan di Lembah Kinta dengan kerjasama pihak MIDA dan Unit Perancang Ekonomi sedang dikaji.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kerjasama pihak Kerajaan Negeri juga diminta supaya dapat bekas pekerja-pekerja lombong menggunakan tanah bekas lombong untuk tujuan pertanian. Ini akan dapat membantu mereka memperbaiki kedudukan pendapatan dan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, satu Jawatankuasa telah pun ditubuhkan untuk mengawas kedudukan penamatan pekerja-pekerja lombong. Jabatan Buruh juga diminta membantu mendapatkan peluang pekerjaan yang lain bagi pekerja-pekerja lombong yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi bercakap menyentuh perkara-perkara di bawah jagaan Kementerian saya. Walaupun hari ini saya berasa sedih sedikit sebab Wakil dari Seremban yang mengutarakan perkara yang mengenai Kementerian saya tidak hadir pada hari ini. Kalaulah ada, saya rasa alangkah enaknya mendengar apa yang dikemukakan oleh saya pada hari ini.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Saleh:
Saya jemput Kementerian Pengangkutan.

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bidang kuasa Kementerian saya semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Keempat.

Ahli Yang Berhormat dari Lambir telah membangkitkan mengenai peruntukan nominal sebanyak \$10 bagi pembangunan lapangan terbang-lapangan terbang Bintulu, Bario dan Mukah. Ingin saya memaklumkan bahawa projek pembangunan lapangan terbang-lapangan terbang tersebut telah pun diluluskan bagi Rancangan Malaysia Keempat.

Bagi projek pembangunan lapangan terbang baru Limbang, kerja-kerja rekabentuk awal telah siap dijalankan dalam tahun 1981, akan tetapi kerja-kerja rekabentuk terperinci dan peringkat perlaksanaannya tidak dapat dilaksanakan oleh sebab-sebab kewangan.

Begitu juga dengan projek-projek pembangunan lapangan terbang Bario dan Mukah yang mana kerja-kerja bagi pembinaannya telah ditangguhkan buat sementara waktu. Namun begitu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$100,000 dalam tahun 1983 bagi membeli bahan-bahan untuk memperbaiki landasan lapangan terbang Mukah.

Bagi projek pembangunan lapangan terbang baru Bintulu, ianya akan diteruskan. Pada masa ini peringkat kerja-kerja penyelidikan tanah serta

pengukuran topography untuk mempastikan kesesuaian tapak yang berkenaan telah selesai dijalankan.

Pihak Juru Perunding pula sedang menjalankan kerja-kerja penyediaan pelan induk dan reka bentuk awal dan kerja-kerja ini dijalankan siap pada awal tahun 1985. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan bagi tujuan ini adalah sebanyak \$1 juta bagi tahun 1984 dan \$1.95 juta bagi tahun 1985.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia sedia maklum, sektor pengangkutan udara kebelakangan ini telah berkembang dengan pesatnya dari setahun ke setahun. Pada tahun 1972, bilangan trafik bagi penumpang kargo dan mail adalah seperti berikut:

Iaitu bagi penumpang sebanyak 2,365 juta orang; bagi kargo sebanyak 13,000,748 kilogram; dan bagi mail sebanyak 3,000,508 kilogram.

Bagi tahun 1982 pula angka-angka yang berkenaan telah meningkat seperti berikut:

Iaitu bagi penumpang sebanyak 9,289,000 orang; kargo—66,000,948 kilogram; dan mail—12,000,215 kilogram.

Ini menunjukkan bahawa dalam tempoh 10 tahun yang berkenaan, bilangan penumpang-penumpang udara telah meningkat sebanyak 14.6%; kargo sebanyak 17.1%; dan mail sebanyak 13.2% bagi tiap-tiap tahun yang berkenaan.

Namun begitu, kadar perkembangan yang berlaku di lapangan terbang-lapangan terbang tidak sama dan ianya bergantung kepada kemajuan ekonomi serta potensi bagi sesebuah bandar yang berkenaan. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa menentukan bahawa kemudahan-kemudahan lapangan

terbang-lapangan terbang adalah sejajar dengan keperluan trafik serta potensi kemajuan ekonomi tiap-tiap bandar yang berkenaan dan ini diikuti dengan rancangan-rancangan pembangunan ataupun pembesaran diadakan di tempat-tempat yang berkenaan dari semasa ke semasa, untuk menampung keperluan trafik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi pembangunan lapangan terbang bagi tahun 1984 adalah sebanyak \$208.9 juta sementara, itu peruntukan yang diminta untuk tahun 1985 adalah sebanyak \$214.5 juta.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu supaya Kerajaan meluaskan perkhidmatan keretapi di negeri Sarawak, sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini adalah di dalam perhatian Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya jawab terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Saleh:
Dijemput Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

5.39 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas pandangan-pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan masalah golongan berpendapatan rendah yang terpaksa memikul beban kenaikan harga barang-barang akibat dari kesan kenaikan cukai dan juga penghapusan subsidi. Yang Berhormat menggesa agar Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengambil tindakan sewajarnya untuk mengawal kenaikan harga barang-barang supaya golongan yang berpendapatan rendah lebih terjamin.

Kementerian saya sedar bahawa penarikan balik subsidi bahan-bahan petroleum telah memberi kesan kepada golongan-golongan yang menggunakannya. Walau bagaimanapun, kesan kenaikan kos akibat penarikan balik subsidi bahan-bahan petroleum tidak begitu ketara. Ini dapat dilihat jika kita kaji kadar kenaikan Angkaunjuk Harga Pengguna di Semenanjung Malaysia bagi bulan Januari, 1984 iaitu sebanyak 4.4% berbanding dengan bulan Januari, 1983. Kenaikan ini tidak berbeza jauh dari kadar inflasi bagi seluruh tahun 1983 iaitu sebanyak 3.7%.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kenaikan harga barangan tidak dapat dielakkan sama sekali lebih-lebih lagi bagi negara kita yang mempraktikkan ekonomi terbuka di mana tekanan-tekanan inflasi seperti kenaikan kos import, kuasa penawaran dan permintaan di pasaran dan perubahan-perubahan harga yang bermusim adalah di luar kawalan kita.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan mengawasi harga beberapa barangan keperluan seperti gula, tepung gandum, susu pekat manis, besi keluli dan barang-barang petroleum iaitu petrol, disel, minyak tanah dan LPG. Di samping itu, terdapat 111 jenis barangan yang tertakluk kepada penandaan harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga

Oleh Penjual Runcit) 1977 yang bertujuan membantu pengguna membuat bandingan harga antara satu kedai dengan kedai yang lain sebelum membeli sesuatu barang. Kerajaan juga sentiasa memastikan bahawa bekalan barang-barang keperluan sentiasa stabil dan mencukupi untuk menampung permintaan pengguna. Kerajaan yakin bahawa para peniaga tidak akan berkesempatan untuk melakukan sebarang amalan manipulasi harga dengan adanya kestabilan bekalan.

Kerajaan juga mengambil langkah-langkah fiskal seperti penghapusan atau pengurangan cukai import ke atas barang-barang keperluan seperti makanan dan bahan-bahan mentah yang digunakan dalam pemerosannya sebagai salah satu tindakan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang. Di samping itu, pengguna hendaklah memainkan peranan untuk membantu Kerajaan membendung inflasi dengan berbelanja secara rasional.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah mencadangkan supaya sektor perkilangan diberi tumpuan dalam usaha menyusun semula masyarakat. Saya menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perkilangan telah dan akan memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan dasar ini khususnya dari aspek pemilikan saham dan pengambilan pekerja-pekerja yang melambangkan komposisi penduduk berbilang kaum di negara ini. Berasaskan banci yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, peratus ekuiti bumiputera projek-projek perindustrian yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 untuk tahun berakhir 31hb Disember, 1980 telah mencapai 16%. Dari segi pengambilan guna tenaga untuk tahun yang sama peratus keseluruhannya pekerja bumiputera ialah 52.1%. Pengambilan

pekerja Bumiputera di peringkat pengurusan, profesional, teknikal dan penyeliaan masih belum mencapai peratus yang memuaskan.

Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menambah penyertaan bumiputera di sektor pengilangan. Di antara langkah-langkah baru yang dilaksanakan ialah:

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Khas Penyertaan Bumiputera di bidang pengilangan di Lembaga Kemajuan Perindustrian (MIDA) untuk mengenal pasti projek-projek yang "viable" yang boleh diusahakan oleh Bumiputera dan membantu melaksanakan projek-projek yang telah dikenal pasti itu.
- (ii) Penubuhan Jawatankuasa Bertindak Penyertaan Ekuiti Bumiputera dalam Syarikat Perkilangan di Kementerian saya untuk mengenal pasti pelabur bumiputera yang ingin membeli saham-saham yang dikhaskan.

Mengenai guna tenaga pula sukaiah ditegaskan bahawa Kementerian saya sentiasa mengawasi struktur guna tenaga di semua projek perkilangan yang dilesenkan supaya ianya melambangkan komposisi penduduk berbilang kaum di negara ini. Pencapaian matlamat ini di semua peringkat pekerjaan akan lebih berkesan lagi apabila bertambahnya bekalan bumiputera di bidang pengurusan, profesional dan teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan masalah pemindahan teknologi. Memanglah benar bahawa setakat ini tidak terdapat perjanjian antarabangsa mengenai pemindahan teknologi. Buat masa ini perjanjian seumpama itu yang dinamakan, dengan izin, International Code of Conduct on the Transfer of Technology masih lagi

di peringkat perundingan di bawah Badan Bangsa-bangsa Bersatu di antara negara-negara yang sedang membangun, negara-negara maju dan negara-negara dari blok komunis. Apabila perjanjian ini telah dipersetujui kelak ianya akan menjadi satu peraturan yang umum atau universal yang mengawal pemindahan teknologi di peringkat antarabangsa.

Pemindahan teknologi ke Malaysia adalah diperolehi oleh syarikat-syarikat pengilangan dan perusahaan serta agensi-agensi dan perbadanan secara persendirian. Ianya dilakukan melalui perjanjian-perjanjian teknikal bagi pemindahan teknologi dengan syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha dari luar negeri. Dalam tempoh tahun 1980-1983 sebanyak 472 perjanjian teknikal telah dibuat oleh syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat asing dalam berbagai sektor industri yang ada.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman supaya Malaysia mencontohi negara Latin Amerika mengenai cara pemindahan teknologi yang teratur, akan dikaji dan diselidiki. Buat masa itu badan Kerajaan yang diwujudkan untuk mengawal kegiatan pemindahan teknologi masih mencukupi untuk memastikan keberkesanannya pemindahan teknologi ke negara kita. Kerajaan telah dapat memastikan pengusaha-pengusaha tempatan tidak dikenakan syarat-syarat yang merugikan dalam pemindahan teknologi dan dilindungi dari dikenakan sekatan-sekatan serta kos yang tinggi dalam mendapatkan sesuatu teknologi.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyuarakan keraguan terhadap industri berat. Saya suka menjelaskan bahawa kemajuan bidang ini adalah perlu untuk mewujudkan asas bagi pembangunan sektor perindustrian. Industri berat akan membolehkan negara menyerap teknologi yang lebih

tinggi serta juga membuka peluang kepada pembangunan industri sampingan dan industri sokongan. Kajian yang terperinci adalah dilaksanakan dahulu sebelum sesuatu industri berat itu dipilih untuk menjamin faedah yang sepenuhnya kepada negara.

Negara ini tidak harus berpuas hati hanya dengan projek-projek memasang siap, memproses barangan separuh siap dan mengeluarkan barangan kegunaan harian sahaja. Sebaliknya, Malaysia kini harus berusaha untuk mengeluarkan barang-barang mentah perindustrian, barangan perantaraan untuk kegunaan kilang-kilang perindustrian dan membuat jentera. Kita perlu mengimport dan menyerap teknologi yang lebih sofistikated dan kompleks dari dahulu. Kita harus menyesuaikan teknologi-teknologi ini untuk memenuhi keperluan kita. Salah satu cara untuk mencapai perubahan yang dikehendaki ini adalah dengan membangunkan perusahaan berat. Penubuhan perusahaan berat di negara ini akan mewujudkan kesan-kesan lanjutan hebat bagi Malaysia. Perusahaan-perusahaan tersebut antara lain akan mempertingkatkan mutu perusahaan sampingan kita dan membuka peluang-peluang bagi perkembangannya di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, loji "Direct Reduced Iron/Billet" di Terengganu telah dilaksanakan selepas Kerajaan berpuas hati dengan kemampuan ekonominya dan pembinaannya akan mencapai objektif sosial-ekonomi. Projek ini bertujuan membekalkan "steel billet" kepada kilang-kilang besi yang wujud, yang mana di masa hadapan keperluan mereka kebanyakan akan diperolehi dari pengeluar-pengeluar di seberang laut. Sungguhpun penurunan harga besi begitu banyak sekarang ini yang diakibatkan oleh kemelesetan ekonomi keseluruhannya, projek ini mengharapkan sepenuhnya apabila lojinya

beroperasi pada bulan Mei, 1985, keadaan ekonomi dunia akan pulih dan dalam jangka panjang ianya akan memberi faedah kepada ekonomi Malaysia.

Berkaitan dengan pencemaran, seperti projek dalam industri lain, projek HICOM di Terengganu ini akan dipasang dengan alat anti pencemaran bagi mengawal kandungan pencemaran kepada takat yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah juga menyentuh tentang perlunya ditingkatkan perdagangan dengan negara-negara Amerika Latin seperti Brazil. Saya ingin menyatakan bahawa Kementerian saya sedar akan potensi pasaran yang terdapat di negara-negara Amerika Latin termasuk Brazil. Sebenarnya, Kementerian saya telah menganjurkan dua Rombongan Perdagangan ke negara-negara di Amerika Latin sejak tahun 1979. Rombongan-rombongan Perdagangan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- (i) Rombongan Kajian Pasaran ke Amerika Latin (Venezuela, Argentina dan Brazil) Mei 1979.
- (ii) Rombongan perdagangan ke Amerika Latin (Panama, Chile, Argentina, Brazil, Mexico) Oktober, 1981.

Di samping itu, satu pejabat perdagangan Malaysia telah dibuka di Sao Paulo, Brazil pada bulan Oktober, 1981. Pada bulan Oktober 1983, Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri telah membuat lawatan rasmi ke Brazil. Beliau telah diiringi oleh sebilangan besar ahli-ahli perniagaan Malaysia. Kementerian saya akan terus meningkatkan usaha terhadap pasaran di negara-negara Amerika Latin baik dari perdagangan secara biasa mahupun melalui "counter-trading".

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah membangkitkan masalah penyertaan Bumiputera yang masih lemah di dalam perniagaan disebabkan syarat-syarat yang ketat yang dikenakan. Kementerian saya sedar bahawa satu daripada sebab kekurangan Bumiputera di dalam bidang perniagaan ialah syarat-syarat yang dikenakan oleh pengeluar utama sangat ketat. Walau bagaimanapun, dari segi "ethics" perniagaan sebelum sesebuah syarikat dilantik menjadi pengedar atau ejen syarikat tersebut terpaksa mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh pengeluar utama. Syarat-syarat yang dikenakan itu ialah satu perlindungan ataupun perjanjian di antara pengedar-pengedar dengan syarikat utama dan syarat-syarat yang demikian bukan sahaja dikenakan kepada syarikat Bumiputera tetapi juga kepada syarikat bukan Bumiputera.

Kementerian saya bertanggungjawab untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam bidang perdagangan dan perindustrian dan sentiasa membuat rundingan-rundingan dengan syarikat utama mengenai syarat-syarat sebelum perlantikan dibuat kepada syarikat Bumiputera. Hasil daripada rundingan tersebut syarikat-syarikat pengeluar utama ada melonggarkan syarat-syarat kepada Bumiputera seperti memanjangkan "credit facilities", kemudian infrastruktur, menambah volume/bilangan dan menambah agensi-agensi di negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai juga telah menggesa Kerajaan memberi tumpuan kepada industri kecil bagi menambah peluang guna tenaga dan menyediakan bantuan dan galakan dari segi kewangan, kawasan kilang dan lain-lain bantuan bagi membolehkan bertanding dengan industri besar. Saya ingin memaklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan memanglah memberikan penekanan untuk pembangunan industri kecil. Bagi maksud ini segala rupa

bentuk bantuan dan galakan yang melibatkan soal-soal bantuan kewangan, bantuan teknikal, khidmat nasihat, penyediaan kawasan kilang dan juga pasaran disediakan untuk sektor ini. Penyampaian kemudahan-kemudahan yang disediakan ini akan dilaksanakan melalui cara pendekatan bersepadu untuk menentukan industri-industri yang dijalankan akan berkembang dan maju.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk memberikan galakan yang sewajarnya kepada industri kecil. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa industri kecil dapat membantu bidang pertanian khususnya dalam membuat jentera-jentera kecil yang diperlukan oleh petani-petani. Ini akan dapat menjimatkan sektor pertanian. Kementerian saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda itu dan seterusnya Kementerian saya akan berusaha sedaya upaya supaya pembangunan industri kecil akan dapat dipesatkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kerjaraya.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat syor-syor dan komen-komen mengenai perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian saya ketika membahaskan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat di Dewan yang mulia ini. Semua syor-syor, komen-komen dan nasihat ini amatlah dihargai dan diambil ingatan oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara tertentu yang suka saya jawab

di sini. Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan telah menyentuh supaya satu jambatan besi menyeberangi Sungai Kinabatangan dibina dan menurapkan tar Jalan Sandakan ke Lahad Datu dan jalan raya dari Sandakan ke Telupit dilaksanakan secepat mungkin. Sebagaimana yang pernah saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa jalan raya di negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya telah dimaklumkan bahawa rekabentuk projek jambatan itu telah pun siap dan senarai pemborong-pemborong yang berkelayakan telah pun disediakan. Pelaksanaan projek ini dijadualkan pada tahun ini sekiranya ada kewangan.

Mengenai Jalan Sandakan ke Lahad Datu dan jalan raya dari Sandakan ke Telupit pula, persiapan pre-qualification bagi kontraktor-kontraktor telah pun selesai dan tender bagi pembinaannya akan dikeluarkan apabila peruntukan diperolehi.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas meminta Kementerian saya mempercepatkan pembinaan jalan-jalan di Sabah terutamanya jalan-jalan utama. Saya akan memaklumkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Pekan telah menimbulkan perkara pembaikan jalan Kampung Penambang di jalan raya Pekan Batu Balek. Saya telah mengambil perhatian mengenai perkara ini. Peruntukan sebanyak \$300,000 untuk menaikkan taraf jalan Pekan Batu Balek telah pun dibelanjakan dalam tahun 1981 tetapi peruntukan ini tidak mencukupi. Bagaimanapun penyelenggaraan jalan ini telah pun dibuat dan setakat ini sebanyak \$2 juta telah pun dibelanjakan untuk menutupi lubang-lubang dan menurap sebahagian jalan tersebut bermula dari bandar Pekan dan akan terus ke Batu Balek.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas pula telah meminta supaya Kementerian saya mempercepatkan pembinaan jalan daripada Sementa ke Kuala Kangsar. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jalan tersebut adalah di bawah jagaan Pejabat Daerah. Saya telah dimaklumkan bahawa pada masa ini belum ada apa-apa rancangan untuk menaikkan taraf jalan tersebut.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga yang menyatakan bahawa sebut harga yang dibuat oleh pihak JKR adalah lebih tinggi dari sebut harga yang dibuat oleh pihak lain. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa anggaran yang dibuat oleh pihak JKR adalah mengambil kira beberapa faktor yang termestinya, seperti:

- (1) Harga bahan binaan;
- (2) Kos upahan;
- (3) Kos penggunaan alat-alat jentera dan alat-alat loji;
- (4) Had keuntungan yang berpatutan;
- (5) Mutu atau kualiti yang dikehendaki.

Selain daripada faktor-faktor yang tersebut, anggaran kos yang dibuat oleh sesuatu firma adalah juga bergantung di atas kecekapan pengalaman kontraktor itu sendiri, ramalan turun naik harga bahan-bahan binaan dan kos organisasi syarikat-syarikat yang berkenaan, sama ada berkeupayaan membuat kerja-kerja itu sendiri ataupun terpaksa bergantung kepada lain-lain subkontraktor. Oleh itu tanpa mengetahui detail mengenai sesuatu projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, maka adalah sukar untuk saya menjawab dengan lebih khusus lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Samarahan telah menggesa supaya mengenal pasti jalan-jalan di negeri Sarawak iaitu sama ada jalan Persekutuan ataupun jalan Negeri. Saya suka menerangkan bahawa semua jalan di negeri Sarawak pada masa ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak sendiri, tetapi ada jalan-jalan utamanya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan selepas itu diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri. Memandangkan peraturan ini berlainan sedikit daripada apa yang terdapat di Semenanjung Malaysia di mana jalan raya-jalan raya yang menghubungkan antara negeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan juga diselenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan, maka suatu cadangan telah pun dibuat supaya peraturan yang sama diadakan di Sarawak dalam mana jalan-jalan utama dijadikan jalan Persekutuan. Cadangan ini adalah dalam perbincangan di antara Kementerian saya dengan pihak-pihak tertentu yang berkuasa di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat syor-syor dan teguran-teguran terhadap Kementerian Kerjaraya. Pihak Kementerian saya akan memberi perhatian selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan cekap kepada rakyat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini

tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, sepertimana tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, sepertimana tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (1981-1985)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.06 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas minat yang telah

ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang ada berkaitan dengan bidangkuasa Kementerian saya semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Berhubung dengan perbahasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda mengenai konsep pembinaan bangunan wilayah, strategi perancangan dan pelaksanaan seharusnya bercorak menyeluruh agar tidak timbul keadaan yang memperlihatkan tahap pembangunan yang jauh berbeza di antara kawasan-kawasan tertentu yang dirangkumi dalam sesuatu wilayah itu. Penentuan sesuatu kawasan untuk rancangan pembangunan wilayah tidak sepatutnya tertakluk kepada sesuatu sempadan negeri atau daerah tetapi seharusnya mengambil kira faktor-faktor bersama dari segi sosio-ekonomi yang ada. Ini adalah bagi menentukan penyertaan dan pelaksanaannya yang lebih realistik dan viable. Pihak-pihak berkuasa perancang di peringkat Kerajaan Pusat dan Negeri adalah terlibat secara langsung dalam perkara ini dan haruslah memberi pertimbangan sewajarnya.

Berhubung dengan peraturan-peraturan dalam meluluskan pelan bagi sesuatu projek perumahan, masalah-masalah yang dibangkitkan itu seharusnya diberi perhatian berat dan dikaji bagi menentukan cara-cara yang sesuai untuk mengatasinya. Selain daripada Pengusaha-pengusaha Tempatan yang menimbang dan meluluskan permohonan sesuatu pelan tersebut, banyak lagi agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Kerjaraya yang terlibat dalam proses ini yang mempunyai peraturan-peraturan, atau dengan izin, standard, masing-masing yang perlu dipatuhi dalam proses meluluskan sesuatu pelan bangunan atau projek perumahan oleh Penguasa-penguasa Tempatan. Syarat mengenai, dengan izin, development

area, dan keperluan, dengan izin, open space misalnya adalah tertakluk kepada keperluan dari segi perancangan kawasan. Syarat-syarat mengenai reserve jalan dan pembinaan jalan bagi sesuatu projek perumahan adalah merupakan keperluan mengikut standard dan spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Kerjaraya.

Apa yang sebenarnya disyaratkan ialah sesuatu lokasi projek perumahan itu perlulah sesuai dengan zoning kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak perancang tempatan dengan mengambil kira dari segi kesesuaian penggunaan tanah, kemudahan-kemudahan asas yang ada dan sebagainya. Sesuatu projek perumahan lazimnya tidak akan diluluskan jika lokasinya tidak sesuai dengan pelan induk kawasan yang telah ditetapkan ataupun jika tidak ada kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, bekalan air dan api di kawasan tersebut.

Selanjutnya berhubung dengan kelewatan dalam memproses dan memberi kelulusan sesuatu projek perumahan yang dijalankan oleh pihak swasta khususnya, perkara ini memang telah sering dibangkitkan dan pihak Kerajaan memberi perhatian berat tentang perkara ini. Selaras dengan arahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pihak berkuasa Negeri-negeri sedang berusaha untuk memastikan pertimbangan untuk kelulusan pembangunan sesuatu permohonan diberikan dalam tempoh tiga bulan. Untuk tujuan ini pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan satu garis panduan berhubung dengan kelulusan pelan bangunan dan pengeluaran sijil kelayakan yang mana akan digunakan oleh semua Penguasa Tempatan sebaik sahaja garis panduan tersebut dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memudahkan lagi urusan-urusan yang berkenaan di peringkat Penguasa-penguasa Tempatan.

Masalah-masalah yang dibangkitkan itu sememangnya akan memberi kesan terhadap rancangan pengswastaaan pembinaan rumah-rumah murah yang mana akan menentukan viabiliti pelaksanaan rancangan tersebut. Dalam konsep Persyarikatan Malaysia, agensi-agensi Kerajaan seharusnya berusaha menentukan supaya masalah-masalah seperti mana yang dibangkitkan itu dapat diatasi dengan seberapa boleh agar ianya tidak menjadi penghalang terhadap penglibatan yang lebih aktif sektor swasta dalam proses pembangunan negara. Berhubung dengan konsep pembangunan wilayah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, sukacita dimaklumkan bahawa konsep yang berkenaan sedang diamalkan oleh Kerajaan di dalam kawasan-kawasan pembangunan wilayah. Mengenai tidak seimbangan kawasan pembinaan berhampiran dengan sempadan-semipadan negeri, adalah bersabit dengan perbezaan dasar pembangunan sesebuah negeri itu sendiri. Di samping itu Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah perlu bagi membangunkan bandar-bandar kecil di seluruh negara.

Berhubung dengan syarat-syarat yang dikenakan ke atas projek-projek perumahan swasta, tidak sama dengan projek-projek Kerajaan. Keadaan ini sedang diselaraskan oleh pihak Kerajaan Negeri supaya syarat-syarat pembangunan untuk projek-projek kos rendah yang diusahakan oleh kedua-dua sektor Kerajaan dan swasta dapat diselaraskan seperti lorong belakang dan sebagainya. Projek-projek Kerajaan di luar kawasan kemajuan biasanya ialah projek-projek kemudahan masyarakat setempat seperti klinik, sekolah, balai raya, masjid dan sebagainya. Pihak swasta tidak digalakkan membuat projek-projek pada kebiasaannya di luar kawasan kemajuan kerana masalah-masalah penjagaan prasarana (infrastructure) yang akan timbul iaitu masalah bekalan air, elektrik, jalan dan sebagainya. Kawasan-kawasan

kemajuan ditentukan berpandu kepada dasar-dasar Kerajaan Negeri dan kawasan ini di luar kawasan kemajuan, biasanya tidak digalakkan sebarang pembangunan disebabkan masalah persediaan, penjagaan dan pembiayaan prasarana (infrastructure). Kawasan lapangan adalah memenuhi keperluan kemudahan riadah (rekreasi) penduduk, samping lain-lain faktor pemeliharaan alam sekeliling adalah wajar bagi pemaju-pemaju menyediakan kawasan lapang dalam kawasan projek perumahan masing-masing. Biasanya kawasan lapang ini diserahkan kepada pihak Berkuasa Tempatan untuk penyelenggaraan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usahanya untuk menswastakan beberapa projek perumahan kos rendah, Kerajaan memang tidak berniat menimbul apa-apa masalah kepada rakyat. Sebenarnya, penswastaaan ini memberi peluang kepada pihak swasta untuk membina lebih banyak lagi rumah awam kos rendah untuk memenuhi keperluan bagi golongan berpendapatan rendah. Dalam proses penswastaaan ini maka tiap-tiap Kerajaan Negeri telah dan sedang mengatur prosedur-prosedur tertentu. Oleh kerana perkara-perkara seperti tanah pada lazimnya adalah hak Kerajaan Negeri maka Kerajaan-kerajaan Negeri boleh menyerahkan tanah tersebut kepada pihak swasta untuk dimajukan. Satu lagi cara ialah dengan mengusahakan satu-satu projek itu bersama dengan pemaju swasta dengan Kerajaan Negeri menyumbangkan tanah dan pemaju swasta menyumbangkan tenaga dan mendapatkan pinjaman. Di samping itu Kerajaan negeri boleh menentukan syarat-syarat berkaitan dengan pemilihan bakal-bakal penghuni rumah dan menentukan harga jualan rumah tersebut tidak melebihi \$25,000 seunit. Walaupun kita dapati pemaju-pemaju perumahan tidak begitu berminat untuk mengambil bahagian dalam pembangunan rumah-rumah kos rendah ini dengan sebab keuntungan itu sangat berkurangan, tetapi Kerajaan

telah pun menggalakkan pembangunan rumah kos rendah ini dibuat secara mix development dalam mana rumah kos sederhana dan kos tinggi juga dapat dibina bersama. Ini bermakna pemaju dapat menggunakan cara ini untuk mengimbangi antara keuntungan mereka dengan kos pembinaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai projek rumah awam kos rendah. Izinkan saya menerangkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diperuntukkan sebanyak \$1,000 juta bagi melaksanakan projek-projek rumah awam kos rendah. Daripada peruntukan tersebut sebanyak \$98,859,317 telah diluluskan untuk projek-projek di negeri Kedah iaitu lebih daripada peruntukan asal sebanyak \$78,100,000. Dari segi pencapaian fizikal pula sebanyak 2,320 unit telah siap dibina di Kedah, 4,319 unit adalah dalam peringkat binaan bangunan dan 4,067 unit adalah dalam peringkat awal pelaksanaan.

Bagi daerah Sik, sebanyak 61 unit rumah awam kos rendah telah dilaksanakan yang menelan belanja sebanyak \$903,608.00 manakala bagi daerah Kuala Nerang pula sebanyak 108 unit rumah awam kos rendah telah dilaksanakan dengan perbelanjaan sebanyak \$1,663,855. Bagi daerah Baling, pihak Kerajaan Negeri Kedah ada cadangan untuk menempatkan projek rumah kos rendah pada masa akan datang. Pencapaian fizikal program perumahan negara setakat hujung 1983 dijangka dicapai pada tahun 1985 adalah jauh daripada sasarannya. Perlu diingatkan di sini bahawa sasaran Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 923,300 unit adalah lebih tinggi daripada sasaran Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 553,327 unit iaitu meningkat sebanyak 59.9%. Pencapaian setakat penghujung tahun 1983 ialah 56,981 unit iaitu 21.39%.

Masalah yang utama ialah kekurangan peruntukan kewangan.

Banyak projek perumahan kos rendah ini tidak dapat dilaksanakan dan tinggal dalam perancangan sahaja. Walaupun Kerajaan Negeri telah berusaha mengadakan kemudahan-kemudahan untuk menjayakannya, tetapi tidak berjaya disebabkan kekurangan kewangan. Soal kekurangan tenaga dan keupayaan teknikal dan pentadbiran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus tidak timbul.

Matlamat Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk membolehkan penagih-penagih dadah kembali ke pangkuan masyarakat, berganding bahu dengan anggota masyarakat dan seterusnya bersama-sama menjadikan negara ini sebuah negara yang makmur, aman dan stabil.

Dalam soal penagihan dadah ini, perkara yang terpenting ialah penghindaran rakyat negara ini daripada terlibatnya dengan kegiatan dadah. Kita tidak boleh menafikan ketepatan, dengan izin, "prevention is better than cure". Ini bererti bahawa apa jua langkah yang boleh menghalang anak-anak kita dari terlibatnya dengan kegiatan dadah sama ada dari sudut pengedaran atau penagihan, memerlukan tindakan positif.

Kemudahan rekreasi adalah satu-satunya cara yang dapat mengelakkan muda mudi kita dari terjerumus ke dalam kancah kedurjanaan dadah. Ianya juga boleh melahirkan tubuh badan yang sihat dan akal yang sempurna.

Kerajaan akan sentiasa berikhtiar sedaya upaya untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan ini agar dapat golongan muda mudi memenuhi masa lapang mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan seterusnya

terhindar dari anasir-anasir yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Beruas dalam ucapannya menyentuh kesan-kesan Tarian Singa ke atas masyarakat Melayu dan isu-isu yang digunakan untuk memecahbelahkan rakyat. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat itu mengenai perkara ini kerana jika isu-isu yang kecil digunakan oleh pihak-pihak yang tertentu ianya lambat laun akan memberi kesan kepada hasrat Kerajaan untuk menyatupadukan semua rakyat Malaysia yang terdiri dari masyarakat yang berlainan keturunan. Maka seharusnya perkara-perkara kecil seperti ini tidak diperbesar-besarkan untuk kepentingan sesuatu pihak.

Izinkan saya memberi sedikit penjelasan mengenai Tarian Singa. Kerajaan telah pun menetapkan jumlah hari yang dibenarkan Tarian-tarian Singa diadakan semenjak 13 tahun yang lampau, tetapi akhir-akhir ini ada terdapat pihak-pihak yang tertentu mengungkit-ungkitkannya lagi. Kerajaan tidak pernah mengenakan sekatan ke atas pertunjukan Tarian Singa tetapi ianya perlu dilesenkan mengikut peruntukan Seksyen 27 dan 28 Akta Polis, 1967 seperti juga bagi perarakan dan perhimpunan umum, dengan tujuan menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.

Kebanyakan permohonan-permohonan untuk mengadakan Tarian Singa adalah untuk mengutip "Ang Pow". Kutipan derma seperti mengutip "Ang Pow" pula tertakluk kepada Ordinan Pungutan Derma Dari Rumah ke Rumah Dan Jalan Raya No. 18/1947, yang lebih terkenal dengan nama Akta 200.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah menggalakkan penubuhan Bank Tanah di negeri masing-masing

dan dengan itu telah memberi sebanyak \$20 juta bagi tiap-tiap negeri kecuali negeri Perlis sebanyak \$10 juta sebagai Tabung Wang Amanah yang mana wang ini boleh digunakan bagi tujuan tersebut iaitu untuk menubuhkan Bank Tanah bagi rancangan-rancangan perumahan.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menggalakkan pembinaan lebih banyak lagi rumah-rumah untuk rakyat terutama rumah-rumah kos rendah dalam negara kita. Satu daripada langkah yang telah diambil ialah mengecualikan cukai bagi barang-barang pembinaan yang tertentu yang diimport. Dengan keadaan yang sedemikian, Kerajaan mengharapkan bahawa ia akan memberi faedah kepada rakyat dalam golongan berpendapatan rendah untuk memperolehi lebih banyak lagi rumah kos rendah yang akan dibina oleh pihak sektor swasta.

Dengan ini saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Keempat berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sukalah saya menerangkan bahawa syor-syor dan pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendapat perhatian dari Kementerian saya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih serta penuh penghargaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri

sepanjang perbahasan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang berjalan dengan rancaknya sejak beberapa hari yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok membangkitkan soal penagihan dadah di kalangan muda mudi masyarakat setingan di kawasan beliau. Ianya berpunca, hujjah beliau, disebabkan ketiadaan kemudahan-kemudahan rekreasi bagi golongan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berazam dengan erti kata yang sebenar-benarnya untuk membentaras kegiatan penagihan dan pengedaran dadah. Kerajaan amatlah menyedari bahawa dadah tidak pernah mengenali mangsanya. Sasarannya pada hari ini berpusat kepada muda mudi dalam lingkungan umur 25 hingga 29 tahun.

Pembasmian penyakit durjana ini memerlukan peperangan secara total di mana penyertaan seluruh rakyat yang cintakan negara ini memainkan peranan berasaskan kebolehan, keupayaan, keikhlasan masing-masing. Kerajaan sedang berusaha meningkatkan keadaan fizik dan kesihatan tubuh badan di samping rohani penagih-penagih dadah, dengan tujuan melengkapkan diri mereka sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kekeliruan telah timbul manakala permohonan lesen untuk Tarian Singa tidak diluluskan, kerana tujuan sebenarnya ialah untuk mengutip derma. Walhal pengutipan derma itu sendiri memerlukan lesen yang berasingan. Lesen untuk pengutipan derma tidak dikeluarkan jika tujuan kutipan derma itu tidak mempunyai matlamat yang murni, seperti untuk kebajikan, sukan, ibadat dan sebagainya. Oleh itu, permohonan-permohonan untuk mengadakan Tarian Singa yang bertujuan mengutip derma, tetapi pengutipan derma itu tidak mempunyai objektif-objektif yang baik seperti yang

dikehendaki oleh Akta 200, maka permohonan tersebut tidak diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk mengadakan pertunjukan Tarian Singa di musim-musim Tahun Baru Cina dibenarkan kepada persatuan-persatuan dan badan-badan yang tulin dan yang mempunyai tujuan yang murni. Walau bagaimanapun, permohonan-permohonan itu diteliti demi untuk menjaga dan memelihara kesejahteraan rakyat dan ketenteraman negara.

Maka dengan penerangan di atas, saya berharap kekeliruan mengenai Tarian Singa tidak timbul dan menjadi satu isu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat dari Beruas kerana beliau telah menyokong tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang melawat Republik Rakyat China tanpa mendapat cap khas dari Kementerian Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Beruas itu menyatakan bahawa perbuatan seperti ini tidak seharusnya dilakukan oleh rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara ini. Saya sanjung pendirian Ahli Yang Berhormat kerana sokongan beliau terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi penjelasan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Beruas berhubung dengan syor supaya Kerajaan menurunkan had umur dari 65 tahun kepada 55 tahun bagi membolehkan seseorang warganegara Malaysia melawat Republik Rakyat China sebagai pelancong.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dasar lawatan ke Republik Rakyat China yang ada sekarang adalah berasaskan kepada dasar hubungan diplomatik antara Kerajaan Malaysia

dengan Kerajaan Republik Rakyat China iaitu hubungan peringkat antara Kerajaan dengan Kerajaan bukannya antara rakyat dengan rakyat.

Dasar ini telah digubal sedemikian rupa dengan berpandukan kepada nilai-nilai sosial budaya rakyat Malaysia serta kepentingan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Mengikut dasar yang diamalkan sekarang, rakyat Malaysia dibenar membuat lawatan ke Republik Rakyat China di atas tujuan-tujuan seperti berikut:

- (a) menziarah saudara mara yang rapat seperti ibu, bapa, adik beradik, isteri dan anak-anak.
- (b) mendapat rawatan perubatan bagi penyakit yang merbahaya kepada kehidupan dan tidak dapat dirawat di Malaysia.
- (c) untuk melancong bagi mereka yang berumur 65 tahun ke atas dan kemudahan ini hanya diberi sekali seumur hidup;
- (d) untuk urusan perdagangan melalui Pameran Perdagangan Canton yang dikenalkan oleh PERNAS;
- (e) untuk urusan perkhidmatan bank yang diluluskan oleh Perbendaharaan, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Dalam Negeri;
- (f) bagi lawatan perdagangan oleh pengilang dan pengeksport persendirian tertakluk kepada pertimbangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Dalam Negeri.

Semenjak tahun 1981, pada keseluruhannya Kerajaan telah membuat beberapa kelonggaran kepada

syarat dan peraturan lawatan rakyat Malaysia ke Republik Rakyat China. Segala kelonggaran ini adalah dengan tujuan untuk membolehkan rakyat Malaysia mengunjungi Republik Rakyat China bukan sahaja sebagai pelancong tetapi juga untuk meningkatkan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Republik Rakyat China.

Selain daripada lawatan sekali seumur hidup, Kerajaan membenar rakyat Malaysia melawat Republik Rakyat China bagi mereka yang berumur tidak kurang daripada 30 tahun. Kelonggaran ini membuktikan bahawa Kerajaan telah sanggup memberi kemudahan sewajarnya kepada rakyat Malaysia untuk mengunjungi Republik Rakyat China bagi mereka yang berumur kurang dari 65 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1982 dan 1983, rekod di Kementerian menunjukkan bahawa seramai 9,736 orang telah membuat lawatan ke Republik Rakyat China. Dalam keadaan sekarang, Kerajaan berpuas hati dengan tatacara dan peraturan yang dikenakan untuk menimbang permohonan lawatan ke Republik Rakyat China oleh warganegara Malaysia. Yang demikian Kerajaan tidak bercadang menurunkan had umur dari 65 tahun kepada 50 tahun atau 55 tahun untuk membolehkan rakyat Malaysia melancong ke Republik Rakyat China.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga berpuas hati dengan sambutan yang diberi oleh rakyat Malaysia terhadap tanggungjawab mereka menjaga maruah dan nama baik negara ini semasa membuat lawatan ke Republik Rakyat China. Dalam pada itu, Kerajaan juga telah mengesan sebilangan rakyat Malaysia yang telah membuat lawatan ke Republik Rakyat China tanpa mendapat kelulusan khas dari Kementerian Dalam Negeri. Tindakan sewajarnya diambil terhadap

mereka. Di antara tindakan yang diambil ialah:

- (i) mengambil balik pasport Malaysia yang dibekalkan; dan
- (ii) tidak membenarkan mereka membuat lawatan ke luar negeri dalam jangka masa yang ditentukan.

Kerajaan sentiasa mengawasi dan mengikuti perkembangan selanjutnya mengenai sambutan dan reaksi yang timbul dari peraturan lawataan rakyat Malaysia ke Republik Rakyat China. Ini dilakukan semata-mata untuk menjamin bahawa imej negara, ketenteraman awam dan keselamatan negara tidak terjejas. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan setiap rakyat Malaysia yang mendapat kemudahan ini, benar-benar menghargai di samping bersama-sama memelihara keharmonian, ketenteraman rakyat serta keselamatan negara.

Yang Berhormat dari Baling mengesyorkan supaya Kerajaan menyediakan sebuah Balai Polis di Parit Panjang, Baling, Kedah. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa di Parit Panjang, Baling, Kedah pada masa ini tidak mempunyai sebuah Balai Polis. Dari nilai Kerajaan kawasan ini tidak memerlukan sebuah Balai, namun demikian Kerajaan telah mengadakan sebuah pondok Polis yang dianggotai oleh dua orang anggota Polis. Untuk keselesaan anggota Polis itu Kerajaan bercadang hendak membina sebuah pondok baru bagi kemudahan anggota-anggotanya dan juga kemudahan-kemudahan yang lain kepada penduduk di sekitar Parit Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk menjelaskan satu persatu mengenai perkara-perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun

pandangan, pendapat serta teguran-teguran yang dikemukakan telah pun dicatat dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan yang disentuh sepanjang perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana sempat memberi perhatian kepada Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu rata-rata perkara yang sudah seringkali saya jawab di Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang lepas, jawapan saya ini boleh diibaratkan seperti mendendangkan lagu lama yang pernah didendangkan sebelum ini di Dewan yang mulia ini. Walaupun lagu ini membosankan, tetapi saya terpaksa menyampaikan lagi demi untuk memenuhi hasrat Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu. Malangnya beliau dan rakan-rakannya dari parti DAP dan seluruh pihak pembangkang telah mengambil, dengan izin French leave, yang membuktikan mereka tidak bertanggungjawab terhadap pengundi-pengundi dan rakyat yang telah memilih mereka untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat pada pilihanraya Parlimen dahulu.

Sebelum saya menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu terlebih dahulu saya ingin membetulkan beberapa

kekeliruan yang telah dibuat oleh beliau semasa membahaskan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Ingin saya jelaskan di sini bahawa jumlah 23.8% sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk pertahanan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat adalah tidak tepat. Peruntukan sebenar untuk pertahanan hanya 18.28%.

Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa perbelanjaan untuk Kementerian Pertahanan sebanyak 193% lebih tinggi dari tahun 1972 adalah tidak berasas. Jika dibandingkan perbelanjaan untuk pertahanan bagi tahun 1972 dan 1981 bolehlah diperhatikan bahawa walaupun dari segi jumlah peruntukan wang peruntukan telah meningkat, tetapi dari segi peruntukan Kerajaan keseluruhannya peruntukan untuk pertahanan telah pun dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya perkara ini tidak perlu dipertikaikan kerana kalau dilihat kepada faktor pertahanan adalah penting dalam menjamin kestabilan negara kita sama ada dari segi pembangunan ekonomi, sosial dan kesejahteraan hidup rakyat keseluruhannya. Kalau dikira atas desakan pertahanan yang ideal memanglah perbelanjaan kita akan melebihi had-had yang diberi, tetapi apa yang dibelanjakan sekarang memang dihadkan mengikut kemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, kemerdekaan sesebuah negara tanpa kemampuan pertahanan, mempertahankan diri tidak akan memberi makna. Oleh itu negara mestilah ada kesanggupan untuk mempertahankan diri. Hanya dengan cara ini, apa juga musuh yang mempunyai niat hendak mencerooboh akan berfikir dua kali sebelum meneruskan niatnya. Kita juga harus sedar bahawa tanpa pertahanan yang

kuat dan mengawal keselamatan negara, kemajuan ekonomi negara tidak akan tercapai.

Dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi sekarang, pelaburan asing tetap berterusan ke negara ini. Ini jelas membuktikan kepercayaan negara-negara luar atas kemampuan Kerajaan untuk mempertahankan dan menjaga keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mendakwa iaitu sektor pertahanan negara kita diselaputi dengan unsur-unsur perkauman dan tidak ada sebarang usaha untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya Ahli Yang Berhormat memang sudah tahu iaitu anggota tentera Malaysia terdiri dari berbagai kaum dan bukan dimiliki oleh satu kaum sahaja. Ini bererti soal perkauman yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah sengaja diadakan, boleh jadi DAP tidak ada modal lagi untuk mengecam pihak Kerajaan.

Kita harus sedar soal pertahanan negara bukan terletak di bahu Anggota Tentera semata-mata, tetapi adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat Malaysia dari berbagai kaum yang cintakan negara. Oleh itu soal diskriminasi dalam pemilihan masuk ke dalam Pasukan Angkatan Tentera tidak timbul.

Saya akui tahap penyertaan bukan Bumiputera dalam Angkatan Tentera adalah masih lemah dibandingkan dengan Bumiputera. Ini bukanlah bermakna keutamaan hanya diberi kepada kaum Bumiputera, keadaan ini tidak boleh disalahkan kepada Kementerian Pertahanan kerana langkah-langkah dan usaha-usaha untuk menggalakkan belia-belie

Malaysia menyertai dalam lapangan ketenteraan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Jabatanarah Tenaga Kerja di Kementerian Pertahanan telah dan sedang mempertingkatkan usaha mengiklankan kerja-kerja di dalam Angkatan Tentera melalui berbagai media dengan kerja sama Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Jabatan Penerangan, juga memberi ceramah-ceramah kerjaya yang berterusan di setiap daerah dan negeri di seluruh negara.

Dalam tahun 1982 sebanyak 60 buah sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina telah dilawati oleh anggota-anggota tentera, manakala pada tahun 1983 sebanyak 379 buah sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang melibatkan 50,680 orang penuntut telah pun dibuat. Anggota-anggota dari Jabatan Arah Tenaga Kerja juga sering menyertai khemah-khemah kerja Pertubuhan Belia Negara setiap tahun dan usaha ini akan diteruskan. Walaupun berbagai usaha dijalankan, namun sambutan dari kalangan belia bukan Melayu adalah dingin.

Ada juga tohmah-tohmah yang kurang sihat yang telah ditimbulkan oleh pihak DAP kononnya kenaikan pangkat dalam Angkatan Tentera dibuat mengikut perasaan perkauman dan atas dasar naungan politik. Tuan Yang di-Pertua, tohmah yang beginilah yang selalu menjejaskan usaha-usaha Kerajaan untuk menarik minat rakyat menyertai Pasukan Angkatan Tentera. Secara tidak langsung dakwaan ini telah mematahkan minat rakyat terhadap Angkatan Tentera, juga boleh merosakkan perpaduan dan hubungan antara kaum di negara ini. Kenaikan pangkat dalam Angkatan Tentera tidak pernah didasarkan kepada kaum, tetapi dengan mengikut dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh perkhidmatan Angkatan Tentera. Di samping merit, kenaikan pangkat juga

mesti memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan seperti kekananan, kursus-kursus yang harus dihadiri, kekosongan jawatan, peperiksaan wajib yang mesti dilulusi dan sebagainya. Tidak ada unsur-unsur pilih kasih dalam menentukan kenaikan pangkat seseorang anggota tentera.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan soal pembelian kapal terbang F-16 oleh Kerajaan Thailand dan sama ada Kerajaan kita juga akan mengikuti langkah Kerajaan itu. Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya jelaskan iaitu pembelian peralatan dan kelengkapan pertahanan negara kita tidak dibuat mengikut perkembangan negara-negara lain. Negara kita mempunyai dasar pembelian kita sendiri. pembelian alat kelengkapan pertahanan termasuklah pembelian kapal terbang dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor yang tertentu, seperti keperluan semasa, kesesuaian harga, jaminan bekalan dan lain-lain lagi. Pembelian F-16 oleh Kerajaan Thailand tidak mempengaruhi Kerajaan kita untuk membeli jenis pesawat yang sama. Soal sama ada Kerajaan akan membeli pesawat F-20 (Tiger Shark) buat masa ini, perkara itu masih lagi dalam peringkat kajian.

Yang Berhormat dari Labis telah menyarankan agar kawasan Exclusive Economic Zone (EEZ) sepanjang 200 batu dari pantai hendaklah diawasi supaya tidak dicerobohi oleh orang-orang asing. Terima kasih di atas perhatian Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian ini memang mengambil berat tentang keadaan keselamatan negara, sama ada keselamatan di darat, laut dan udara. Di laut, Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa membuat rondaan mengharungi laut di sekitar perairan Laut China Selatan dan perairan Selat Melaka. Perairan kita sentiasa diawasi bagi menentukan bahawa tidak ada musuh negara yang mencerobohi melalui laut. Kawasan rondaan TLDM

meliputi keseluruhan perairan Malaysia, termasuklah kawasan Exclusive Economic Zone.

Bagi mengesahkan lagi peranan TLDM, khususnya dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pengawalan seluruh kawasan perairan Malaysia serta lain-lain tugas yang diperlukan untuk mempertahankan negara, TLDM akan dilengkapi dengan kapal-kapal yang lebih moden, dengan alat-alat yang lebih sophisticated sejajar dengan ancaman semasa.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan saya kepada pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh dua Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Labis. Segala teguran dan pandangan akan diambil perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu,

Bahawa Dewan ini

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengadakan keamanan dan keselamatan;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 13 Tahun 1984.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengadakan keamanan dan keselamatan;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 13 Tahun 1984.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.46 petang.